

Kegiatan RISDA Di Melaka: Satu tinjauan

Mengenai Rancangan Tanam Semula

(Kajian kes di Masjid Tanah)

Oleh

ABDUL TALIB BIN MOHAMED HASHIM

NO. MATRIK: 050205

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sesi 88/89

Sinopsis

Secara keseluruhan, Latihan Ilmiah ini adalah mengenai masyarakat tani dan hubungannya dengan agensi pembangunan luar bandar. Dengan kata lain, kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai Rancangan Tanam Semula Getah yang dianjurkan oleh RISDA dalam usahanya menaikkan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil getah.

Bab 1, menghuraikan teknik-teknik dan methodologi yang digunakan semasa menjalankan Latihan Ilmiah.

Bab 2, membincangkan secara umum konsep-konsep kemiskinan dan pembangunan yang sering digunakan dalam kajian-kajian mengenai sosio-ekonomi masyarakat luarbandar.

Bab 3, mengenai RISDA Masjid Tanah sebagai agensi pembangunan luarbandar dan pencapaiannya secara ringkas.

Bab 4, melihat sosio-ekonomi pekebun kecil getah di kawasan-kawasan kajian. Tumpuan diberikan kepada para peserta yang menyertai Rancangan Tanam Semula.

Bab 5, membincangkan dengan detail bagaimana sesuatu Rancangan Tanam Semula Getah itu dilaksanakan. Juga diterangkan dalam bab ini, semua syarat-syarat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Rancangan Tanam Semula.

Bab 6, mengemukakan masalah tanam semula yang timbul di kalangan pekebun kecil dan RISDA. Juga didedahkan faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan sesuatu projek Rancangan Tanam Semula.

Bab yang terakhir merupakan kesimpulan yang diperolehi dari kajian. Di dalam bab ini juga kesempatan diambil untuk mengemukakan cadangan-cadangan untuk tindakan selanjutnya.

DAFTAR KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Senarai Jadual	v
BAB 1: <u>PENGENALAN</u>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah	1
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Bidang dan Batasan Kajian	5
1.5 Methodologi	7
1.5.1 Soal Selidik	7
1.5.2 Temuramah dan Perbincangan	8
1.5.3 Lawatan	9
1.5.4 Data-data Sekunder dan Teks	9
BAB 2: <u>KONSEP PEMBANGUNAN DAN KEMISKINAN</u>	
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Konsep dan Ukuran Kemiskinan Di Malaysia	11
2.3 Ukuran Pembangunan	15
2.4 Konsep pembangunan sebagai usaha Mengatasi Kemiskinan	16
2.5 Masalah Kemiskinan dan Masa Depan Pekebun Kecil	21
BAB 3: <u>PROFAIL RISDA</u>	25
3.1 Pendahuluan	25
3.2 Tanggungjawab dan Tugas RISDA	26
3.3 Profail Pentadbiran RISDA Daerah	28
3.3.1 Keluasan Kawasan Getah Daerah	29
3.3.2 Pengeluaran	30
3.4 Aktiviti-Aktiviti RISDA MASJID TANAH	30
3.4.1 Tanam Semula Mengikut Rancangan Bantuan	30
3.4.2 Tanam Semula Serentak (TSS)	31
3.4.3 Tanam Semula Berkelompok (TSB)	31
3.4.4 Rancangan Mini Estet	32
3.4.5 Subsidi Input Pertanian (SIP)	32
3.4.6 Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)	33

3.4.7	Projek Sistem Perkebunan Bersepadu (SEPERDU)	33
3.4.8	SKIM Pampasan Pekebun Kecil (SPEPK)	33
3.4.9	Khidmat Pengembangan dan Latihan Pekebun Kecil	33
3.4.10	Pembangunan Insitu	34
BAB 4:	<u>PROFAIL PEKEBUN KECIL</u>	35
4.1	Pendahuluan	35
4.2	Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Sosial Lain	36
4.3	Umur dan Jenis Pokok Getah	37
4.4	Struktur dan Saiz Keluarga	39
4.5	Umur dan Taraf Pendidikan Responden	41
4.6	Pekerjaan Responden	43
4.7	Pola Pemilikan Tanah	45
4.8	Pendapatan Responden	47
BAB 5:	<u>Rancangan Tanam Semula</u>	49
5.1	Pendahuluan	49
5.2	Takrif Rancangan Tanam Semula	49
5.3	Perlaksanaan Rancangan Tanam Semula	51
5.4	Jawatankuasa Tanam Semula	54
5.5	Syarat-syarat, Bantuan dan Kos	58
BAB 6:	<u>MASALAH RANCANGAN TANAM SEMULA</u>	60
6.1	Pendahuluan	60
6.2	Masalah Tanah	60
6.3	Masalah Memproses Permohonan	63
6.4	Masalah Perlaksanaan	66
6.5	Masalah Bantuan Tanam Semula	68
6.6	Masalah Kos	69
6.7	Sikap Pekebun Kecil	72
BAB 7:	<u>KESIMPULAN</u>	78
LAMPIRAN		
BIBLIOGRAFI		
SOAL SELIDIK		


JADUAL

Jadual 3.1	Bilangan Pegawai dan Kakitangan
Jadual 3.2	Keluasan Tanah Getah di bawah Pelbagai Rancangan
Jadual 3.3	Pencapaian SIP
Jadual 3.4	Pencapaian PWPK
Jadual 4.1	Peringkat Umur Getah Bagi Mukim Sungai Baru Tengah
Jadual 4.2	Saiz Keluarga Responden
Jadual 4.3	Umur Responden
Jadual 4.4	Pola Pemilikan Tanah Getah
Jadual 4.5	Pendapatan Bulanan Responden
Jadual 6.1	Pencapaian Aktiviti Khidmat Pengembangan
Jadual 6.2	Kos Pembangunan Projek Tanam Semula

Lampiran-lampiran

Lampiran 1	Getah: Kawasan Hasil dan Pengeluaran (Semenanjung Malaysia)
Lampiran 2	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
Lampiran 3	Rajah Aliran Memproses Permohonan T/S.
Lampiran 4	Jangka Masa untuk menyiapkan kerja
Lampiran 5	Anggaran pengiraan bantuan dan potongan kos pembangunan dan matabenda.

RAJAH 2: MUKIM-MUKIM DI BAWAH BIDANG KUASA
PEJABAT RISDA CAWANGAN MASJID TANAH #



MUKIM

- | | |
|-----------------------|------------------------|
| 1. Sungai Baru Hilir | 6. Masjid Tanah |
| 2. Sungai Baru Ulu | 7. Berisu |
| 3. Sungai Baru Tengah | 8. Sungai Siput |
| 4. Kuala Sungai Baru | 9. Ramuan China Besar |
| 5. Kuala Linggi | 10. Ramuan China Kecil |

Masjid Tanah termasuk di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah Alor Gajah.

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Eksport getah asli Malaysia semakin meningkat dan Malaysia dikatakan sebagai pengeluar getah asli yang utama di dunia. Dari lampiran 1, ^{aliran}arah getah Malaysia meningkat 3.8% kepada 1.6 juta tan metrik pada tahun 1986 dan merupakan 35.8% dari keluaran getah asli dunia.

Peningkatan pengeluaran getah berpunca dari peningkatan dalam pengeluaran dan hasil (kg/hektar) di dalam sektor pekebun kecil.¹ Dari jumlah eksport getah asli Malaysia pada tahun 1986, sektor pekebun kecil menyumbang 65.0% atau 84,139 tan metrik.

Ini bermakna pekebun kecil memainkan peranan penting di dalam menentukan peningkatan eksport getah asli Malaysia. Maka segala usaha untuk membangunkan sektor kebun kecil merupakan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan eksport negara.

1.2 Pernyataan Masalah

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML. Hal260), sejumlah \$18,284.3 juta atau 37.3% dari peruntukan Kerajaan

1. Malaysia, Information Year Book 88, Percetakan Malaysia, Kuala Lumpur, hal. 344.

Persekutuan, adalah untuk program-program Dasar Ekonomi Baru (DEB). Sebanyak \$17,905.1 juta dari peruntukan tersebut telah dibelanjakan untuk Rancangan Malaysia Keempat (RME). (Lihat Lampiran II).

Namun begitu, di dalam RML (Hal:113), sektor pekebun kecil masih menjadi tumpuan utama dan lebih ditekankan kepada peningkatan produktiviti dari pembukaan kawasan baru.

Pada tahun 1982, keluasan tanah yang ditanam dengan getah dalam sektor estet dan pekebun kecil, masing-masing merosot 3.3% dan 1.6%

Kemerosotan pengeluaran getah berlaku kerana keadaan cuaca yang tidak menentu, kekurangan tenaga buruh, pertukaran kepada tanaman-tanaman lain, kadar tanam semula yang tidak memuaskan dan daya pengeluaran yang rendah di dalam sektor pekebun kecil.²

Kekurangan tenaga buruh disebabkan oleh kadar upah yang lebih rendah daripada upah dalam bidang-bidang lain, peningkatan taraf pelajaran belia-belia dan kekurangan kemudahan-kemudahan sosial yang berhampiran dengan kawasan perkampungan.

Kos pengeluaran bagi pekebun-pekebun kecil pula adalah tinggi daripada kebun-kebun kecil di negara-negara lain

2. Lembaga Pasaran dan Perlesenan Getah Malaysia, Laporan Tahunan 1984, Kementerian Perusahaan Utama Malaysia, Kuala Lumpur, 1984. Hal. 8.

pengeluar getah asli.³ Dengan paras harga getah yang ada sekarang serta kos input yang kian meningkat, usaha bersama perlu dijalankan untuk mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya pengeluaran.

Pihak kerajaan menyediakan berbagai-bagai insentif untuk pekebun kecil menyertai Rancangan Tanam Semula.

Semenjak tahun 1981, "grant" tanam semula telah dinaikkan daripada \$1, 200 seekar kepada \$2,200. Berikutan dengan itu pihak kerajaan pada bulan November 1981, telah memutuskan untuk menaikkan kutipan ses tanam semula daripada 9 sen kepada 14sen/kg. Walaubagaimanapun ketetapan ini telah tidak dilaksanakan.⁴

Sementara itu, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mengalami kekurangan wang ses bagi Skim Penanaman Semula kerana jumlah wang ses yang diterima tidak memadai dibandingkan dengan perbelanjaan yang dibuat. Berdasarkan kepada kadar kutipan, pihak kerajaan telah bersedia untuk menampung sebanyak \$57 juta setahun bagi memastikan kelancaran Skim Penanaman Semula.

3. Dewan Masyarakat, Disember 87, Jilid 23, Bil. 12.

4. Ibid.

Di samping "grant" tanam semula, Skim Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS) diadakan pada bulan Januari, 1981, sebagai menggalakkan pekebun-pekebun kecil menyertai Skim Penanaman Semula. SEPENTAS bertujuan untuk membantu pekebun kecil mendapatkan pinjaman tanpa faedah bagi menyara hidup mereka sementara kebun-kebun yang ditanam semula mengeluarkan hasil⁵. Disebabkan peruntukan yang terhad daripada kerajaan, pinjaman Kredit Sara Hidup pada pekebun kecil telah diberhentikan mulai 21hb. September, 1986.

Namun begitu getah masih mempunyai masa depan yang cerah walaupun dalam kadar perkembangan yang agak perlahan. Keluaran getah dijangka meningkat pada kadar 0.8% setahun, menjadikan jumlah pengeluarannya 1.15 juta tan metrik pada tahun 1990. (RML hal. 74). Tambahan ini dijangka berpunca daripada tingkat hasil keluaran dan boleh melepasi pengurangan dalam keluasan tanah getah. Kekurangan kawasan yang ditanam dengan getah dijangka berkurangan 0.5% setahun menjadikan jumlah kawasannya 1.908 juta hektar menjelang 1990.

1.3 Objektif Kajian

Kemajuan

Kajian ini ialah mengenai Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sebagai salah satu daripada Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan menerusnya, peruntukan kewangan memajukan sektor pekebun kecil disalurkan.

-
5. Kredit Sara Hidup (KSH) pada mulanya diberi sebanyak \$100 sekeluarga per bulan tetapi telah dikurangkan kepada \$60 per bulan.

PABK merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab memajukan sektor pertanian dan pembangunan luarbandar. Ia ditubuhkan di bawah DEB untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kajian ditumpukan kepada Rancangan Tanam Semula Getah oleh RISDA sebagai usaha mencapai matlamat meningkatkan tingkat pengeluaran dan seterusnya memperbaiki sosio ekonomi pekebun kecil. Perbincangan terperinci mengenai aktiviti-aktiviti dan masalah-masalah setiap teknik Rancangan Tanam Semula juga dilakukan. Dengan cara ini ^{dapat} dan dikenalpasti corak tanam semula yang paling berkesan mencapai matlamat RISDA.

Dengan objektif-objektif kajian di atas dapat dikenalpasti pencapaian dan masalah-masalah Rancangan Tanam Semula di kedua-dua pihak (RISDA dan pekebun kecil) untuk tindakan selanjutnya,

1.4 Bidang dan Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes di Masjid Tanah dengan menumpukan ke atas Rancangan Tanam Semula. Operasi tanam semula yang dilaksanakan oleh RISDA bercorak Tanam Semula Individu (TSI), Tanam Semula Berkelompok (TSB), Tanam Semula Serentak ~~dan~~ (TSS) dan Rancangan Mini Estet.

Penglibatan peserta dijadikan asas membandingkan bentuk-bentuk operasi Rancangan Tanam Semula. Dalam TSI pemilik tanah itu sendiri melaksanakan tanam semula dengan kelulusan RISDA,

Manakala operasi-operasi tanam semula lain, pelaksanaan dan penyelenggaraan adalah di bawah pengawasan RISDA sepenuhnya.

Teknik TSS merupakan operasi tanam semula yang terbaru diperkenalkan oleh RISDA. Bentuk tanam semula ini cuma dilaksanakan di kawasan Bukit Jambol, iaitu di perkampungan Durian Daun, Mukim Masjid Tanah.

Kajian ke atas corak-corak lain tanam semula di lakukan di Mukim Sungai Baru Tengah, iaitu TSI dan TSB di Tanjung Bidara dan Air Hitam Ulu, manakala kajian Mini Estet di Gaung Tinggi. Kedudukan kawasan-kawasan dapat dilihat seperti dalam Rajah I dan II.

Kedudukan kawasan-kawasan adalah berhampiran antara satu dengan lain. Pemilihan kawasan dilakukan untuk mempermudah kajian dan responden dapat memberikan pandangan ^{dan} penilaian mereka secara perbandingan yang lebih jelas terhadap corak-corak tanam semula.

Penekanan ke atas Rancangan Tanam Semula penting kerana ia merupakan permulaan hubungan antara RISDA dengan pekebun kecil dalam usaha meninggikan taraf sosio ekonomi pekebun kecil getah. Aktiviti-aktiviti lain RISDA disediakan selepas Rancangan Tanam Semula, dengan matlamat mewujudkan pertambahan pendapatan pekebun kecil. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah program Bantuan Baja Kimia, Penyediaan Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB), Khidmat Nasihat Teknikal, Subsidi Benih Kontan dan Program Pertanian Bersepadu.

Tetapi aktiviti-aktiviti untuk mewujudkan pertambahan pendapatan dibincangkan tidak secara mendalam.

Penilaian ke atas teknik-teknik tanam semula dilakukan dengan melihat keluasan, bilangan peserta, pelaksanaan dan penyelenggaraan, bentuk-bentuk khidmat nasihat, mutu hasil dan pemasaran dan masalah-masalah yang timbul.

1.5 Methodologi

Untuk mendapatkan gambaran, penerangan dan data-data yang lengkap mengenai keadaan-keadaan pertanian di kawasan kajian, digunakan berbagai cara untuk mengumpulnya. Cara-cara tersebut adalah seperti berikut:

- a. Soal Selidik
- b. Temuramah dan Perbincangan
- c. Lawatan
- d. Data-data Sekunder

1.5.1 Soal Selidik

Dalam soal, disediakan soalan-soalan yang memerlukan butir-butir peribadi, hak milik, keadaan sosio-ekonomi-politik, pengeluaran dan pemasaran produktif peserta program.

Soal selidik bertujuan untuk mengetahui corak dan cara pertanian, tingkat pengeluaran pertanian yang dicapai oleh peserta sebelum dan selepas Program Tanam Semula, agar perbandingan dapat dibuat antara 2 jarak masa tersebut.

Melalui teknik ini juga, cuba mendapatkan pandangan dan penilaian mereka terhadap peranan RISDA dalam memberikan penerangan dan khidmat nasihat teknik pertanian.

Peserta-peserta Tanam Semula Individu pula disediakan ruangan-ruangan khas dalam soal selidik untuk mengetahui fahaman dan pandangan mereka terhadap kempen-kempen menambahkan bilangan dan pengambilan peserta program Tanam Semula dibawah RISDA. Terdapat satu soalan khas yang memerlukan peserta Tanam Semula Individu menyatakan sebab-sebab mereka tidak menyertai program tanam semula RISDA.

Di akhir soal selidik, memerlukan responden menyatakan masalah pertanian yang mereka hadapi selain masalah-masalah yang telah dinyatakan dalam ruangan-ruangan yang terdahulu.

1.5.2 Temuramah dan Perbincangan

Untuk mengimbangi penerangan-penerangan oleh responden, diadakan perbincangan dan temuramah dengan penyelia-penyelia program, kakitangan RISDA dan penghulu-penghulu kampung di kawasan kajian. Temuramah dan perbincangan ditumpukan kepada masalah dan tanggapan masyarakat tani terhadap program Tanam Semula dan masalah yang dihadapi oleh RISDA sendiri dalam pelaksanaan program tersebut.

Temuramah dan perbincangan dengan penghulu-penghulu bertujuan memastikan (Cross-check) penerangan-penerangan oleh responden adalah benar.

Penghulu dipilih untuk pengesahan (Cross-check) kerana mereka merupakan orang yang benar-benar mengetahui keadaan sosio-ekonomi masyarakat dalam perkampungannya.

1.5.3 Lawatan

Tinjauan awal dilakukan terlebih dahulu sebelum meneruskan penyelidikan sebenar. Tujuannya supaya mendapatkan gambaran serba ringkas mengenai apa yang hendak dikaji. Tinjauan awal ini membolehkan penyusunan teknik-teknik penyelidikan supaya dapat dilaksanakan dengan lancar serta menjimatkan kos dan masa.

Dalam membuat lawatan ke Mukim -mukim, petani-petani ditemui dan berbincang mengenai pengeluaran hasil-hasil pertanian dan masalah yang dihadapinya. Untuk pengesahan keterangan pekebun kecil dilakukan dengan rujuk kepada penghulu dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK). Untuk melihatnya secara lebih dekat, mereka menunjukkan kawasan-kawasan yang dikatakan menghadapi masalah.

1.5.4 Data-data Sekunder dan Teks

Kemudahan dan kebenaran diberikan oleh RISDA untuk menggunakan laporan-laporan dan maklumat-maklumat yang ada dalam simpanan mereka. Oleh kerana maklumat dan laporan adalah dalam keadaan tidak teratur, dengan kerjasama kakitangan RISDA, data-data tersebut disusun semula mengikut keperluan, pandangan dan kehendak kajian.

Bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh kakitangan Ibu-pejabat RISDA, cawangan, penghulu-penghulu dan JKKK amat dihargai. Tanpa kerjasama ^{mereka} pendedahan dan perbandingan kemajuan pertanian tidak dapat didedahkan.

BAB 2: KONSEP PEMBANGUNAN DAN KEMISKINAN

2.1 Pendahuluan

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan kajian mengenai masalah kemiskinan menekankan segi ekonominya. Ini tidak menghairankan, sebab, seringkali masalah ini dianggap sebagai masalah ekonomi semata-mata. Menurut Profesor Syed Hussin Ali, dalam artikel bertajuk "Aspek Sosiologikal Dalam Kemiskinan,"¹ beliau menyatakan;

"Anggapan seperti ini tidak tepat dan boleh mengelirukan. Sebenarnya masalah kemiskinan juga merupakan masalah politik, sosial bahkan juga kebudayaan. Apabila masalah kemiskinan dianggap hanya sebagai masalah ekonomi, maka cara mentafsir puncanya serta cara mengatasi penjelmaannya pun akan terbatas kepada cara-cara ekonomi sahaja."

Maka, untuk memahami sedalam-dalamnya masalah kemiskinan luarbandar, misalnya, sangat perlulah pendekatan antara-disiplin yang melibatkan semua cabang ilmu masyarakat. Dengan pemahaman yang mendalam serta menyeluruh akan satu-satu masalah itu, maka lebih mudahlah untuk mengemukakan cara-cara yang paling berkesan untuk menghadapinya.

2.2 Konsep dan Ukuran Kemiskinan di Malaysia

Kemiskinan boleh ditakrifkan dengan memuaskan hanya secara

1. Alladin Hashim, Dr. Alang Perang dan Dr. Hashim Ab. Wahab (ed); "Kemiskinan Luarbandar," Instituti Pertanian Malaysia (AIM), 1984, hal 32.

relatif dengan mengambilkira keadaan sesebuah masyarakat atau negara berkenaan. Misalnya Ungku Aziz mendefinisikan kemiskinan bagi Malaysia, "in terms of the gap between Malay and non-Malay distribution of income."² Namun begitu tidak terdapat satu takrif kemiskinan yang khusus boleh digunakan untuk semua negara pada setiap masa, tanpa mengambilkira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara berkenaan.

Berdasarkan RML (hal: 96), terdapat 2 konsep kemiskinan yang dikemukakan, iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

Konsep kemiskinan mutlak, iaitu kemiskinan yang berasaskan konsep secukup hidup, telah diterima dengan meluas kerana ianya bertujuan menjelaskan kemiskinan sebagai kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan-keperluan sara hidup yang minimum.

Ukuran kemiskinan mutlak yang kerap digunakan ialah kadar kemiskinan iaitu peratusan penduduk atau isirumah yang mempunyai taraf hidup yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang ditentukan. Pendapatan garis kemiskinan ialah satu tingkat pendapatan sesebuah isirumah untuk membolehkannya, secara purata, menikmati atau mengekalkan suatu taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada.

2. Ungku Aziz; "Footprints on the Sands of Time: The Malay Poverty Concept over 50 years From Zaaba, Aziz and the 2nd Five Years Plan." Persatuan Ekonomi Malaysia.

Satu lagi ukuran yang biasa digunakan ialah kejadian kemiskinan, iaitu bilangan isirumah miskin dalam sesebuah kawasan sama ada negeri atau daerah berbanding dengan jumlah isirumah miskin keseluruhannya.

Terdapat kekurangan atau kelemahan dalam penggunaan garis kemiskinan. Ukuran tersebut tidak mengambilkira sejauhmanakah sesebuah isirumah itu berada di bawah garis kemiskinan. Oleh yang demikian ia tidak dapat menunjukkan kemiskinan yang keterlaluan bagi sebilangan isirumah. Memandangkan pendekatan ini berasaskan pendapatan, ianya tidak dapat menggambarkan kebajikan atau taraf hidup sebenar bagi orang perseorangan atau isirumah.

Apa yang ditekankan melalui garis kemiskinan itu ialah satu faktor penting, iaitu pendapatan. Biasanya pendapatan yang ditetapkan sebagai garis kemiskinan itu ialah untuk seluruh negara. Di Malaysia pada tahun 1970, pengkaji-pengkaji Bank Dunia³ mendakwa, dengan mengandaikan tiap-tiap isirumah secara purata mempunyai 5.5 ahli keluarga, pendapatan tahunan yang diperlukan untuk berada di atas garis kemiskinan ialah \$1,650 setahun, dan pada tahun 1974 pendapatan tahunan yang diperlukan ialah \$2,250 setahun atau \$150 sebulan. Selepas itu tidak diumumkan lagi paras pendapatan yang digunakan sebagai ^{garis} kemiskinan, walaupun kegunaan rasmi tahun 1982 telah dianggarkan kira-kira \$300/= sebulan bagi sekeluarga.

3. IBRD; "Problems of rural poverty in Malaysia,"
ROME; 1975 (mimeograph).

Pendapatan yang ditetapkan sebagai garis kemiskinan kurang memuaskan kerana mungkin ada perbezaan taraf hidup di antara kawasan-kawasan yang berlainan misalnya, antara kampung yang terpencil dengan kota yang besar, dan perbezaan ini tentu memerlukan pendapatan yang lebih tinggi di kota daripada di kampung itu sebagai garis kemiskinannya.

Kemiskinan relatif lebih mementingkan aspek kemasyarakatan (dari sudut sosiologi). Pendapatan ditentukan oleh banyak faktor, tetapi yang penting sekali ialah pemilikan dan pekerjaan. Pemilikan yang dimaksudkan ialah modal atau harta dalam berbagai bentuk; dalam masyarakat luarbandar yang penting ialah tanah. Perbezaan milik tanah menimbulkan perbezaan pendapatan serta perbezaan pekerjaan hasil dari corak hubungan yang berbeza dengan tanah dan proses mengeluarkan serta memasarkan hasil. Dari segi pengeluaran hubungan ini menimbulkan golongan-golongan seperti buruh, penyewa dan tuan atau pemilik tanah; manakala dalam bidang pemasaran pula ia menimbulkan peraih, pekedai dan sebagainya.

Secara subjektif anggota masyarakat menilai kedudukan tinggi rendah sesama mereka sendiri kerana wujudnya perbezaan pemeningkatan sosial dan perbezaan ekonomi dari perbezaan pendapatan, pemilikan dan pekerjaan. Maka wujudlah sistem susun-lapis masyarakat, sekurang-kurangnya 3 lapisan iaitu; lapisan atasan, pertengahan dan bawahan. Dalam sistem ini wujud, sama ada dari segi ekonomi mahupun sosial, asas-asas perbandingan antara lapisan-lapisan yang berlainan.

Jadi ukuran kemiskinan biasanya dihubungkan dengan struktur susun-lapis masyarakat dan ketidaksamaan sosio ekonomi yang terjelma. Boleh dikatakan golongan miskin itu terdiri dari sebahagian besar masyarakat yang jumlahnya 30% hingga 60% dari keseluruhan bilangan penduduk.

Maka kesimpulannya,⁴ kemiskinan merupakan satu keadaan kekurangan mendapatkan keperluan asasi dan kemudahan sosial. Dari segi ekonomi, keadaan itu timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah. Dari segi sosial, pula, menduduki lapisan bawahan dalam sistem susun-lapis masyarakat.

2.3 Ukuran Pembangunan

Hasil dan faedah pembangunan dalam ertikata seluas-luasnya bergantung kepada penilaian sesuatu masyarakat. Apa yang dianggap sebagai faedah dan kebaikan oleh sesuatu pihak mungkin ditafsirkan sebagai kerugian atau keburukan oleh pihak lain.⁵

Di dalam persoalan pembangunan, masalah penilaian itu menjadi begitu rumit. Ini ialah kerana maksud pembangunan itu begitu luas dan ukuran-ukuran yang disebut objektif selalunya lebih merupakan pertimbangan subjektif yang sudah dirasionalisasikan.

4. Alladin Hashim; Op. Cit, hal. 35

5. Thomas A. Marschak; "Economic Theories of Organization." dalam J.G March (ed). Handbook of Organization, Chicago; 1965, hal. 446-449.

Perhitungan kos faedah umpamanya begitu banyak menggunakan anggaran "kos" dan andaian-andaian mengenai faedah yang kemudiannya diberi nilai harga, sehingga hasilnya begitu meragukan.

Dalam mengukur pembangunan, manusia boleh bersikap rasional, dan atas pertimbangan ekonomi yang boleh melihat secara keseluruhan, sesuatu program pembangunan itu dianggap berjaya biarpun melibatkan segelintir manusia menanggung rugi untuk keuntungan pihak yang ramai. Bagi seseorang ahli ekonomi kebajikan mungkin berkata projek itu menguntungkan, cuma tidak mencapai tahap "paret optimum" di mana tiap-tiap seorang beruntung dan tiada seorang pun rugi.⁶ Tetapi dari pertimbangan sosial, ia mungkin dianggap satu bencana dan mereka yang mengalami kerugian pasti menyatakan program pembangunan itu gagal. Pertimbangan subjektif mereka tidak mungkin dipengaruhi oleh pertimbangan objektif walaupun ia menunjukkan keuntungan besar bagi pihak yang ramai.

Sebagai kesimpulan, kita boleh mencari sesuatu kebaikan dalam perkara yang buruk dan sesuatu yang buruk dalam sesuatu yang baik. Semuanya bergantung kepada tanggapan, sikap dan nilai yang mempengaruhi pertimbangan tersebut?

2.4 Konsep Pembangunan Sebagai Usaha Mengatasi Kemiskinan

Usaha mengatasi kemiskinan di negara ini ada kaitannya

-
6. E. J. Mirshan; "Economy of Social Decisions; Elements of Cost Benefit Analysis," New York, 1971, hal. 14-17.
 7. Karl R. Popper; "Conjectures and Refutation: The Growth of Social Knowledge," New York, 1963, hal. 3-8.

dengan takrif kemiskinan serta analisa tentang punca kemiskinan,⁸ iaitu lebih menekankan aspek ekonomi. Usaha-usaha yang sering diutamakan ialah untuk meningkatkan daya pengeluaran. Misalnya, Ungku Aziz mencadangkan pembasmian kemiskinan dilakukan⁹:

"by raising income levels and by increasing the productivity of labour in the low productivity occupations and by the movement of labour from the low productivity occupations to higher productivity activities."

Selaras dengan itu, maka di antara rancangan ekonomi yang diutamakan dalam Rancangan Malaysia, misalnya, ialah rancangan tanah di bawah badan seperti Felda dan Felcra; rancangan parit dan taliair untuk memudahkan tanaman dua kali; rancangan bantuan wang (atau subsidi), benih, baja, pengetahuan dan teknik untuk tanaman baru atau tanam semula; dan rancangan menyediakan keperluan asas dan keperluan sosial yang murah dan percuma.

Langkah-langkah yang diambil adalah untuk memberi peluang yang lebih bagi petani mendapatkan bantuan-bantuan seperti tanah, modal, teknologi, subsidi dan lain-lain. Projek-projek dalam rancangan menyediakan keperluan asas dan sosial dikenali bukan sebagai projek ekonomi semata-mata tetapi juga projek sosial.

Satu lagi jenis usaha yang dikaitkan dengan aspek sosial atau sosiologi, iaitu yang bertujuan untuk mengubah nilai, sikap

-
8. Misalnya, Ungku Aziz; "Footprints on the Sands of Time," hal. 18, menyatakan, "The poverty of the mass of peasants in the rural areas, can only be eradicated with the three main causes of poverty: low productivity, exploitation and neglect."
9. Ibid, hal. 22

dan pandangan orang-orang kampung khususnya, supaya mereka meninggalkan ciri-ciri yang negatif dan bersedia menerima ciri-ciri positif yang lebih sesuai untuk perubahan menuju pembangunan. Rancangan seperti "revolusi mental" dulu dan mengubah ethika kerja sekarang adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai matlamat pembangunan.

Kesemua usaha dan rancangan yang diuraikan adalah tergolong dalam konsep pemodenan (modernization). Proses pemodenan ini luas skopnya dan tidak terbatas hanya kepada aspek ekonomi dan kepada usaha meningkatkan daya pengeluaran sahaja. Ia melibatkan segala usaha dalam semua bidang-ekonomi, politik, sosial, pelajaran, kebudayaan, fikiran dan sebagainya untuk menyerap serta mengembangkan apa saja yang dianggap moden kepada masyarakat tani luar bandar.

Menurut Profesor Syed Hussin Ali,¹⁰ ada 2 aspek daripada proses pemodenan. Pertama, ia selalu dikaitkan dengan pembaratan: Barat dianggap sebagai moden, dan oleh itu proses pemodenan diertikan sebagai proses meniru Barat (Moden itu menjadi Monopoli Barat). Keduanya, proses penyerapan ciri-ciri yang dianggap moden itu boleh dilakukan tanpa mengubah struktur ekonomi politik yang asas dalam masyarakat atau mengubah struktur ini pada masa yang sama atau terlebih dulu.

10. Alladin Hashim; Op. cit, hal. 38.

Rancangan untuk mengatasi kemiskinan luarbandar merupakan sebahagian daripada keseluruhan rancangan pembangunan. Ia melibatkan pelaburan banyak wang atau modal untuk melaksanakan pembangunan negara yang selalu diukur oleh ahli ekonomi dengan kadar pertumbuhan. Sering kali pelaburan ini ditumpukan untuk industri dan bangunan di bandar dan lebih menguntungkan golongan atasan yang mempunyai hubungan rapat dengan pusat kekuasaan politik negara. Akibatnya ialah semakin meluasnya jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi di antara bandar dengan luarbandar dan golongan atasan-kaya dengan golongan bawahan-miskin.

Menurut Profesor Kamal Salih,¹¹ terdapat 2 aspek pembangunan yang khusus ditujukan kepada pembasmian kemiskinan (target-group oriented) dan pembangunan yang tidak dikhususkan untuk pembasmian kemiskinan (trickling down effect).

Selalu diujahkan bahawa pelaburan untuk pembangunan mempunyai kesan penyerapan (trickling effect), iaitu keuntungan daripada pelaburan itu mengalir sampai ke bawah. Proses penyerapan ini lambat berlakunya, dan dalam masyarakat yang bersusun-lapis, semakin jauh kebawah semakin sedikit yang diserapkan. Biarpun banyak pelaburan untuk pembangunan yang ditujukan khas untuk kawasan luarbandar, namun peruntukan perbelanjaan bagi pembangunan di bawah beberapa Rancangan Malaysia menunjukkan bahawa dari segi peratus peruntukan bagi pembangunan pertanian menurun

11. Ibid, hal. 28.

manakala peratus peruntukan bagi pembangunan perindustrian dan perdagangan bertambah.

Proses pemodenan atau pembangunan melalui pembahagian tanah, subsidi, baja dan teknologi kadang-kadang lebih mudah diperolehi golongan atasan berada oleh sebab kedudukan sosial mereka yang lebih istimewa itu. Dengan demikian proses ini boleh menambahkan lagi jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi dikalangan masyarakat luarbandar itu sendiri.

Maka perlu ditekankan strategi yang berkesan supaya belanjawan dan pembangunan itu mengurangkan, bukan menambah lebar jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi dan seterusnya melemahkan bukan menguatkan lagi sistem susunlapis masyarakat yang sedia ada.

Strategi yang perlu ada dalam pembangunan ialah pertama, mengenal pasti dengan tepat kawasan serta sektor ekonomi termundur dan golongan masyarakat termiskin dan memastikan bahawa keutamaan diberikan kepada mereka dengan menumpukan kadar perbelanjaan serta usaha yang lebih banyak. Keduaanya, dengan mengadakan rancangan pengagihan semula tanah terutama dalam konteks perubahan pertanian yang lebih luas.

12. *Ibid.*, hal. 46.

13. Ibrahim Ismail dan Juma R. Ibrahim, "Income Distribution in The State of Peninsular Malaysia: Development in the Nineties," *Asia Pacific Journal on Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.

14. *Alamiah* Ismail; *Op. Cit.*; hal. 49.

2.5 Masalah Kemiskinan dan Masa Depan Pekebun Kecil

Apabila dibandingkan dengan negara yang sedang membangun dalam proses pembangunan, Malaysia adalah diletakkan dalam kategori negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang pesat, agak sederhana dari segi pembasmian kemiskinan tetapi cenderung ke arah ketidaksamaan pengagihan pendapatan.¹²

Perubahan ke arah ketidaksamaan pendapatan ditunjukkan dengan perubahan bahagian pendapatan yang diterima oleh kumpulan-kumpulan yang ditentukan kategori pendapatan.¹³ Bahagian pendapatan yang dinikmati oleh 20.0% kumpulan atasan ialah 48.6% pada 1957/1958, kepada 55.9% pada 1970, dan 61.9% pada tahun 1976. Ini berbeza dengan bahagian pendapatan yang dinikmati oleh kumpulan 40.0% bawahan yang menurun daripada 15.9% pada 1957/58 kepada 11.6% pada tahun 1970 dan 10.3% pada tahun 1976.

Antara beberapa isu yang dianggap penting kesannya terhadap tren ke arah ketidaksamaan dalam masyarakat luarbandar, (dengan melihat punca ketidaksamaan di kalangan pekebun kecil)¹⁴ ialah pembahagian pemilikan tanah, penumpuan mengusaha tanah, peluang menggunakan kemudahan, isu pelajaran dan polisi pelajaran dan polisi kerajaan.

12. Ibid, hal, 46.

13. Ishak Shaari dan Jamok K Sundram; "Income Distribution on The State in Peninsular Malaysia, Development in the Eighties, with special emphasis on Malaysia," Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981.

14. Alladin Hashim; Op. Cit; hal.49.

Dari segi pembahagian pemilikan tanah, lebih kurang 48.8% pekebun kecil, mengikut keluasan milik, memiliki bidang tanah kurang dua hektar. Golongan ini memiliki sebanyak 20.7% daripada semua tanah pekebun kecil. Sementara itu pula 14.1% daripada pekebun kecil memiliki 41.5% daripada jumlah tanah pekebun kecil.

Dari segi penumpuan mengusahakan tanah, di sektor getah pada bancian Pekebun Kecil Getah 1977, menunjukkan 22% atau 97,062 pekebun kecil getah adalah pemawah. Mereka mengusahakan 24.2% tanah getah dan 45.0% daripada pemawah telah terlibat dalam sistem pawah lebih daripada 5 tahun dan masih dalam umur ekonomi aktif. Saiz kebun getah yang diusahakan mereka ialah tanah getah yang kecil. Sebahagian besar daripada mereka adalah bergantung kepada getah sebagai sumber pendapatan, maka kebanyakan pengusaha-pengusaha secara pawah adalah terletak di bawah kategori miskin.

Peluang atau keupayaan menggunakan kemudahan mungkin tidak serupa untuk semua petani. Walaupun begitu, misalan seperti menanam semula getah, subsidi baja dan khidmat nasihat adalah meluas taburan penggunaannya. Mungkin kemudahan kredit yang berbagai jenis adalah digunakan sepenuhnya oleh mereka yang lebih maklum. Bagi petani kecil faedah daripada menggunakan kemudahan seperti tersebut adalah terhad kerana bidang tanahnya kecil. Menambahkan daya pengeluaran masih tidak mencukupi untuk kesejahteraan keluarga.

Penggunaan teknologi baru dalam bentuk mesin sewajarnya dapat meningkatkan daya pengeluaran dan juga mengurangkan kos

pengeluaran. Bagi pengusaha secara besar-besaran kos faktor pengeluaran baginya adalah rendah jika dibandingkan dengan kos oleh petani kecil. Teknologi yang bertujuan meningkatkan daya pengeluaran juga mendapatkan kadar pulangan yang bertambah menurut bidang berkesudahan dengan pengusaha secara kecilan tersingkir daripada kegiatan mengusahakan tanah.

Akhir sekali secara ringkas isu pelajaran sebagai alat ke arah ketidaksamaan atau sebaliknya. Masyarakat miskin luar-bandar menaruh harapan bahawa pelajaran ialah cara untuk merapatkan jurang antara mereka. Tetapi pelajaran sebagai alat membasmi kemiskinan ada hadnya. Pencapaian pelajaran adalah dipengaruhi kuat oleh taraf sosio ekonomi keluarga seseorang. Lebih tinggi taraf sosio ekonomi keluarga lebih lama anak itu dalam proses pembelajaran.

Beberapa sebab mengapa berlakunya class biasedness seperti ini antaranya ialah kos persediaan yang tinggi untuk pelajaran, kos lepas yang tinggi jika anak terus bersekolah dan peluang untuk mendapat kemudahan pelajaran yang baik adalah tidak sama antara ahli-ahli masyarakat daripada berbagai lapisan.

Terdapat polisi agensi kerajaan yang sengaja cenderung membangunkan ladang secara komersial. Strategi ke arah ini dipersoalkan berdasarkan kepada objektif keadilan sosial dan juga kecekapan (efficiency) menggunakan sumber-sumber pengeluaran yang sedia ada dalam masyarakat.

Objektif keadilan sosial mudah tercapai melalui sistem berkebun kecil. Petani adalah pemilik dan pengusaha tanah. Ganjaran dalam bentuk sewa, upah dan keuntungan daripada pelahuran modal adalah hak mereka, berbeza dengan buruh yang hanya diupah di ladang besar. Cara berkebun kecil dapat mengawal tren ketidak-samaan pendapatan.

Sistem berkebun kecil mempunyai kelebihan memenuhi kecukupan. Insentif yang dihadapi oleh ladang adalah berbeza daripada insentif yang dihadapi oleh pekebun kecil. Dengan itu penggunaan tanah adalah rendah disektor ladang dan sebaliknya di sektor pekebun kecil. Jika pekebun kecil diberi peluang mengusahakan tanah, maka tingkat pengeluaran akan bertambah. Pekebun kecil tidak semestinya tradisional dan seharusnya terbuka kepada penggunaan teknologi baru.

Untuk mencapai apa yang dikehendaki, NISDA menyarankan kepada "Gerbang V Nota" yang terdiri kesimpulan penting aspek pembangunan produktiviti. Maksud Gerbang V Nota adalah seperti berikut:

1. Nota Keempat, Kesatuan NISDA, Daerah Alor Gajah Negara Melayu Melayu Sarawak, Daerah Alor Gajah, 1966.
2. Ibid.

BAB 3: Profail RISDA

3.1 Pendahuluan

"Peruntukan RISDA"¹ adalah untuk;

"Melaksanakan program penanaman semula dan aktiviti-aktiviti berkaitan secara paling cekap dan berkesan, yang bertujuan untuk menyumbangkan ke arah pengujudan masyarakat pekebun kecil yang sejahtera."

"Peruntukan RISDA" memberikan keutamaan kepada rancangan tanam semula. Maklumat dan aktiviti-aktiviti termasuk khidmat nasihat yang dijanjikan oleh RISDA akan disalurkan secara paling cekap dan berterusan. Bermakna, menyalurkan segala teknologi yang terbaik itu bertujuan untuk mengeluarkan masyarakat pekebun kecil dari takrif kemiskinan.

Untuk mencapai apa yang dicita-citakan, RISDA berpandukan kepada "Serampang 7 Mata" yang secara keseluruhan mementingkan aspek peningkatan produktiviti. Matlamat Serampang 7 Mata adalah seperti berikut?²

-
1. Nota taklimat Kemajuan RISDA, Daerah Alor Gajah kepada ahli-ahli Mesyuarat Tindakan, Daerah Alor Gajah, 1986.
 2. Ibid.

1. Semua getah tua ditanam semula dengan jenis-jenis tanaman yang diluluskan, menggunakan benih bermutu tinggi.
2. Amalan pertanian yang baik digunakan untuk mempercepat pengeluaran hasil secara optima.
3. Faktor pengeluaran digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan pendapatan yang maksimum yang melebihi pendapatan garis kemiskinan.
4. Kuantiti pengeluaran ditingkatkan ke tahap potensi.
5. Kualiti pengeluaran ditingkatkan supaya mendapat harga pasaran yang berpatutan.
6. Masyarakat pekebun kecil melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan usahawan pelaburan, industri kecil dan koperasi.
7. Masyarakat pekebun kecil melibatkan diri secara aktif dalam program pembangunan sosial dan institusi supaya berpengetahuan, berkemahiran, bersikap positif dan berdikari.

3.2 Tanggungjawab dan Tugas RISDA

RISDA ditubuhkan pada 1hb. Januari, 1973, di bawah undang-undang Malaysia (Akta No: 85), 1972; iaitu Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Getah.

Matlamat RISDA adalah untuk memoden dan meninggikan taraf sosio ekonomi pekebun kecil getah. Dengan itu, tanggungjawab utamanya:

- 1) Mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah 1952.
- 2) Mengurus dan mengendalikan dengan berjaya bagi rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan (1952).
- 3) Merancang dan melaksanakan segala pembaharuan penyelidikan dalam pekebun kecil.

Bagi maksud menyempurnakan segala tanggungjawab di atas, tugas RISDA:

- 1) Melaksanakan segala pembaharuan pertanian yang terdapat dari penyelidikan.
- 2) Bekerjasama dan berhubung rapat dengan semua agensi kerajaan yang lain yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang penyelidikan pertanian, mengadakan kredit pertanian, menyediakan kemudahan pemerosesan dan pemasaran getah serta berusaha dengan menyeluruh untuk memodenkan pekebun kecil getah.
- 3) Menjalankan rancangan penanaman semula dan penanaman baru getah dan dengan jenis-jenis tanaman lain yang diluluskan bagi sektor pekebun kecil dengan menggunakan benih-benih bermutu dan mengikut kehendak pertanian yang moden dan sistematik.
- 4) Memastikan sektor pekebun kecil dapat dimodenkan dalam segala segi bagi memperbaiki kedudukan taraf ekonomi dan sosial sektor tersebut.

- 5) Mendapatkan serta menyimpan perangkaan dan rekod yang perlu yang berhubung dengan sektor pekebun kecil dan menyalurkan maklumat-maklumat berkenaan kepada menteri dan kerajaan yang terlibat.
- 6) Mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti yang ditentukan dan diarahkan oleh menteri yang bertanggungjawab dari masa ke masa berhubung dengan usaha-usaha kemajuan dan kebaikan sektor pekebun kecil.

Dapatlah dikatakan secara ringkas, segala tindak tanduk RISDA adalah bertujuan untuk kepentingan pekebun kecil.

3.3 Profail Pentadbiran RISDA Daerah

RISDA Negeri Melaka telah membahagikan Daerah Alor Gajah kepada 2, iaitu Alor Gajah Darat dan Alor Gajah Pantai dan masing-masing mempunyai pejabat sendiri yang lebih dikenali dengan nama:

- 1) Pejabat RISDA Alor Gajah
- dan 2) Pejabat RISDA Masjid Tanah

Pejabat RISDA Masjid Tanah terletak di Pekan Masjid Tanah, mengarah jalan ke Melaka. Di ketuai oleh seorang pegawai RISDA (juga bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Awam) dan mempunyai 25 orang kakitangan, serta merangkumi 10 mukim. (Lihat Jadual; 1)

Jadual 3.1 : Bilangan Pegawai dan Kakitangan

Pejabat	Kategori	Bilangan
Pejabat RISDA	A	-
Masjid Tanah	B	1
	C	20

Sumber: Pejabat RISDA Masjid Tanah.

3.3.1 Keluasan Kawasan Getah Daerah

Keluasan Tanaman Getah di bawah pelbagai rancangan bagi semua daerah Alor Gajah (1985) adalah seperti berikut:

Jadual 3.2 Keluasan Tanam Getah di bawah pelbagai rancangan

<u>Rancangan</u>	<u>Keluasan(Hektar)</u>
a. Kebun Kecil	25,473
b. Ladang besar	10,407
c. FELDA	1,655
d. FELCRA	773
e. Rancangan Tanah Pinggir	2,405
JUMLAH	40,723

Sumber: Pejabat RISDA Masjid Tanah.

Secara keseluruhan, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh RISDA mendapat sambutan dari pekebun kecil, berdasarkan bilangan pekebun kecil yang menyertainya. Bagi seluruh Daerah Alor Gajah seramai 13,113 orang pekebun kecil yang berdaftar setakat 31hb. Disember, 1986. Dari jumlah keluasan kebun kecil,

sebanyak 22,547 hektar telah ditanam semula dan cuma 2 orang pekebun kecil dengan keluasan kebun getah 4.04 hektar menyertai Rancangan Pemulihan Tanam Semula.

3.3.2 Pengeluaran

Dari segi pengeluaran getah, terdapat 74 buah Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) dengan bilangan peserta seramai 1,750 orang. Terdapat 70 buah PPPK yang menjual getah tanpa asap dan bakinya menjual susu cair.

Jumlah pengeluaran getah bagi seluruh Daerah Alor Gajah (86) ialah 1.057 juta KG, dengan nilai belian \$1.78 juta.

Ini bermakna kebanyakan pekebun kecil menjual hasil getah dalam bentuk keping tanpa asap dengan harga puratanya 169 sen/KG.

3.4 Aktiviti-Aktiviti RISDA MASJID TANAH

Berbagai aktiviti-aktiviti pertanian yang dikelolakan oleh RISDA bertujuan untuk memperbaiki sosio-ekonomi pekebun kecil. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

3.4.1 A) Tanam Semula Mengikut rancangan bantuan.

1. Tanam Semula I
2. Tanam Semula Baru
3. Tanam Semula II

3.4.2 B) Tanam Semula Serentak (TSS)

Dijalankan cuma di Mukim Masjid Tanah di bawah rancangan TSS Bukit Jambul. Keluasan TSS Bukit Jambul 18.77 hektar dengan bilangan peserta 20 orang. Ianya mula dilaksanakan pada akhir 1986.

3.4.3 C) Tanam Semula Berkelompok (TSB)

<u>1. Mukim Sungai Baru Ilir</u>	<u>Tahun ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>
Kg. Pulau I	76	34
Kg. Pulau II	77	17
Air Molek I	79	29
Air Molek II	79	16
<u>2. Mukim Kuala Linggi</u>	<u>Tahun ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>
Kuala Linggi	77	5
<u>3. Mukim Sungai Baru Tengah</u>	<u>Tahun ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>
Paya Belantai	79	35
Tanjung Bidara	79	10
<u>4. Mukim Ramuan Cina Besar</u>	<u>Tahun ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>
Ramuan Cina Besar I	76	9
Ramuan Cina Besar II	77	19
<u>5. Mukim Masjid Tanah</u>	<u>Tahun ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>
Durian Daun	78	46
Air Limau I	76	21
Air Limau II	77	25
<u>6. Mukim Sungai Baru Ulu</u>	<u>Tahun ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>
Solok Duku	80	44
Bangsai Rebah	79	27

3.4.4 D) Rancangan Mini Estet

<u>1. Mukim Sungai Baru Ilir</u>	<u>Ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Keluasan</u>
Kg. Pulau I	79	27	58 ekar
Kg. Pulau II	79	27	58 ekar
<u>2. Mukim Kuala Linggi</u>	<u>Ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Keluasan</u>
Kuala Linggi	79	40	84 ekar
<u>3. Sungai Baru Tengah & Sungai Baru Ulu</u>	<u>Ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Keluasan</u>
Gaung Tinggi	79	82	260 ekar
<u>4. Mukim Sungai Siput</u>	<u>Ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Keluasan</u>
Bukit Senduk	82	35	124 ekar
Bukit Palas	83	34	156 ¹ / ₂ ekar
<u>5. Mukim Brisu</u>	<u>Ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Keluasan</u>
Brisu	82	81	260 ekar
<u>6. Mukim Masjid Tanah</u>	<u>Ditubuhkan</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Keluasan</u>
Air Limau I	76	18	78 ekar
Air Limau II	78	127	372 ekar

3.4.5 E) Subsidi Input Pertanian (SIP)

Jadual 3.3 Pencapaian SIP

<u>SIP</u>	<u>Bil. peserta</u>	<u>Luas (Hektar)</u>	<u>Perbelanjaan \$</u>
Penggalak Susu	114	196	7187.50
Kacang Penutup Bumi	-	-	-
Tanaman Kontan	12	10.81	2,012.15
Kimia Rumpai	303	454.83	22,727.80
Baja	687	1044.04	161,883.70
JUMLAH	1,116	1705.66	193,811.15

Sumber: Pejabat RISDA Masjid Tanah

3.4.6 F) Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)

Jadual 3.4 Pencapaian PWPK.

<u>PWPK</u>	<u>Jenis Projek</u>	<u>Ditubuh</u>	<u>Bil. peserta</u>
Solok Duku	Mee Kuning	79	15
Empang Batu	Mee Kuning	80	20
Ramuan Cina Besar	Mee Kuning	80	15
Air Molek	Keropok Malaysia	81	20
Kuala Linggi	Kacang ATOM	81	20
Lubuk Redan II	Tauhu	81	15

Sumber: Pejabat RISDA Masjid Tanah

Pengeluaran bahan makanan, kraftangan seperti anyaman dan gubahan daun getah, program tanam cendawan, Lebah Madu dan program jahitan.

3.4.7 G) Projek Sistem Perkebunan Bersepadu (SEPERDU)

Di bawah projek ini terdapat program-program seperti penanaman cendawan pemeliharaan Lebah Madu, Rotan Manau, tanaman kontan, Lembu Daging, Ternakan Biri-biri, Kambing Kampung dan Industri Wanita.

3.4.8 H) SKIM Pampasan Pekebun Kecil (SPEPK)

3.4.9 I) Khidmat Pengembangan dan Latihan Pekebun Kecil

Tahun 1986, RISDA Negeri Melaka telah diperuntukkan sebanyak \$58,000. Sebanyak 99.8% telah dibelanjakan untuk program ini.

3.4.10 J) Pembangunan Insitu

Di bawah program ini terbahagi kepada program Pembangunan Koperasi Pekebun Kecil dan Institusi Latihan RISDA.

1) Pembangunan Koperasi Pekebun Kecil

Di Melaka terdapat sebuah koperasi dengan bilangan ahli 2908 orang. Saham terkumpulnya \$164,000. Antara projek yang dijalankan oleh koperasi seperti:

- i) Projek Perkampungan
- ii) Projek gerak tani- ternakan ikan dan tanaman kontan
- iii) Penyelenggaraan Mini Estet.
- iv) Memberi pinjaman kepada TSB
- v) Mendapatkan tender memetik buah Sawit
- vi) Menjual barang-barang input pertanian
- vii) Sebagai wakil Insuran
- viii) Menyediakan Perkhidmatan Pengangkutan
- ix) Mengawal Stokis Baja RISDA

2) Institusi Latihan RISDA (ILR)

Untuk mempertingkatkan kecekapan dari segi teknikal, pengurusan pegawai dan kakitangan serta memindahkan pengetahuan teknologi baru kepada pekebun kecil, sebuah institusi latihan telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Institusi Latihan RISDA, Ayer Paabas Melaka.

Pada amnya aktiviti ILR terbahagi kepada 3 bidang iaitu:

- a) Melatih
- b) Pembangunan/ Makmal Pengembangan
- c) Menjalankan kajian dan kawasan contoh

BAB 4: Profail Pekebun Kecil

4.1 Pendahuluan

Mukim Sungai Baru Tengah meliputi kawasan seluas 45 batu persegi. Terbahagi kepada beberapa buah kampung, iaitu:

- 1) Kampung Londang
- 2) Kampung Air Hitam Darat
- 3) Kampung Pengkalan Balak
- 4) Kampung Tanjung Bidara
- dan 5) Kampung Sungei Tuang

Kedudukan kampung-kampung tersebut adalah di sepanjang jalanraya yang menghubungkan Kem Terendak dengan Pekan Masjid Tanah. (Lihat Rajah 1 dan 2)

Pekan Pengkalan Balak merupakan satu-satunya pekan yang terdapat di Mukim Sungai Baru Tengah. Namun begitu, kebanyakan penduduk Mukim pergi ke Pekan Masjid Tanah yang mempunyai berbagai kemudahan berbanding dengan Pekan Pengkalan Balak. Syarikat perniagaan dan pejabat kerajaan kebanyakannya berpusat di Pekan Masjid Tanah.

Di Mukim Sungai Baru Tengah terdapat 250 orang pekebun kecil berdaftar dan jumlah keluasan tanah pekebun kecil tersebut ialah 420 hektar.

Sumber dari Pejabat RISDA, Masjid Tanah menyatakan 69.0% dari jumlah keluasan tersebut iaitu 288 hektar ditanam dengan getah, manakala 10.0% atau 43 hektar ditanam dengan tanaman-tanaman lain. Bakinya iaitu 21.0% atau 89 hektar merupakan tanah paya yang tidak produktif untuk pertanian kecuali digunakan untuk menternak ikan air tawar.

Sejarah awal dan petempatan mukim tidak diketahui kerana tiada sumber rujukan rasmi yang dapat dijadikan bahan rujukan.

4.2 Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan-kemudahan Sosial lain.

Berbagai projek pembangunan asas terdapat di Mukim Sungai Baru Tengah. Antaranya terdapat 7 buah Balairaya iaitu sebuah di tiap-tiap kampung kecuali di Kampung Tanjung Bidara terdapat 3 buah Balairaya.

Majoriti penduduk menghantar anak-anak mereka ke 3 buah sekolah kebangsaan yang berhampiran. Terdapat cuma sebuah sahaja Sekolah Menengah iaitu Sekolah Menengah Pengkalan Balak, disamping 2 buah Sekolah Agama Rakyat. Terdapat 6 buah masjid, 2 buah klinik bidan, sebuah Pejabat FAMA dan sebuah kompleks MIAD.

Namun begitu terdapat sebuah pusat peranginan bertaraf "3 bintang" di mukim tersebut iaitu "Tanjung Bidara Beach Resort". Projek peranginan ini menimbulkan satu kejutan budaya ke atas penduduk persekitaran.

Beberapa penduduk Tanjung Bidara meninggalkan aktiviti-aktiviti pertanian dan menjalankan perniagaan menjual makanan di kawasan peranginan tersebut. Walaupun perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan tetapi memberi kesan ke atas status mereka.

Pengangkutan utama yang digunakan oleh para responden ialah bas yang mengadakan perkhidmatan dari pukul 7.30 pagi hingga 6:00 petang. Ini bermakna penduduk mengalami kesukaran terutama pada waktu malam untuk pergi ke Pekan Masjid Tanah atau Bandar Melaka. Namun begitu ada juga perkhidmatan teksi dan "teksi sapu" di Pekan Masjid Tanah.

Bekalan elektrik dan air telah disediakan oleh pihak kerajaan di Mukim Sungai Baru Tengah sejak awal tahun 1970-an. Dari soal-selidik didapati setiap rumah responden menerima sama ada bekalan elektrik atau air kedua-duanya sekali. 84.0% responden menerima bekalan elektrik manakala responden yang mendapat bekalan air cuma 72.0% sahaja.

Apabila ditanya mengapa tidak memohon untuk mendapatkan bekalan atau air, ada responden menyatakan mereka mempunyai perigi dan tidak memerlukan bekalan air dari pihak Lembaga Air Melaka (LAM).

4.3 Umur dan Jenis Pokok Getah

Pada tahun 1960-an getah mula ditanam di Mukim Sungai Baru Tengah dengan menggunakan klon-klon seperti Gondang Tapen I (GTI) dan Proefstation Voor Rubber 225 (PR 225).

Kedua-dua klon ini berasal dari Indonesia. Namun begitu hasil dari baka ini kurang memuaskan (perolehan purata bagi 10 tahun pertama ialah 1400 kg/hektar) dan tidak sesuai ditanam oleh pekebun kecil kerana kerja-kerja penjagaannya terlalu merumitkan.¹

Semenjak dilaksanakan program Tanam Semula di Mukim tersebut, barulah diperkenalkan klon jenis Rubber Research Institute of Malaysia 600 (RRIM 600). Baka jenis ini boleh menghasilkan susu getah yang banyak (perolehan purata bagi 10 tahun pertama ialah 1900 kg/hektar) dan juga di anggap sesuai untuk ditanam secara besar-besaran.

Dari ^{jadwal} ~~jumlah~~ berikut, di dapati bahawa 55.0% dari jumlah keluasan tanaman getah di Mukim Sungai Baru, masih dalam peringkat produktif. 37.0% pula merupakan keluasan getah muda yang belum mengeluarkan hasil manakala bakinya, iaitu 8.0% merupakan kawasan pokok getah tua yang mula ditanam semula.

-
1. Ismail b. Ahmad Yusuf; "klon-klon Terpilih dan Sifatnya," dalam "Getah Asli," Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah, Jun 1984, hal. 10.

Jadual 4.1 Peringkat Umur Getah Bagi Mukim Sungai Baru Tengah

<u>Kategori umur getah</u>	<u>Bilangan keluarga</u>	<u>Hektar</u>	<u>Peratus (%)</u>
Kurang dari 3 tahun	37	53	18.0
Antara 3 - 6 tahun	40	54	19.0
Antara 6 - 15 tahun	64	67	23.0
Antara 13 -25 tahun	83	92	32.0
Lebih dari 25 tahun	23	22	8.0
JUMLAH	247	288	100.0

Sumber: Pejabat RISDA Masjid Tanah

4.4 Struktur Dan Saiz Keluarga

Dari soal-selidik jumlah ahli keluarga dari 50 orang responden yang dibanci, seramai 395 orang semuanya. Dari jumlah ini, seramai 233 iaitu 59.0% merupakan golongan produktif sama ada mempunyai pekerjaan tetap atau tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Dalam golongan produktif, 31.0% mempunyai pekerjaan tetap sebagai kakitangan kerajaan dan bakinya tidak mempunyai pekerjaan tetap, seperti bekerja sendiri, mengambil upah, sebagai buruh binaan, menjual buah-buahan dan sebagainya.

Dari 41.0% golongan tidak produktif pula, 99% terdiri dari ahli keluarga yang belum bersekolah manakala 32% atau 126 orang masih di bangku sekolah.

Bilangan anak (orang)	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
0 - 1	0	0.0
2 - 4	5	10.0
5 - 6	13	26.0
7 - 8	12	24.0
9 - 10	9	18.0
Lebih 10	11	22.0
JUMLAH	50	100.0

Sumber: Soal-Selidik

Dari jadual di atas, bentuk keluarga besar (extended family) adalah ciri-ciri kekeluargaan yang dominan di kalangan responden. Bentuk kekeluargaan ini dipengaruhi oleh faktor sosial, ekonomi dan agama. Mereka tidak mengamalkan perancang keluarga kerana bertentangan dengan nilai-nilai agama Islam yang menyatakan anak yang ramai merupakan rahmat dan kepercayaan Allah kepada keluarga.

Ada di kalangan responden berpendapat anak-anak penting bagi membekalkan sumber ekonomi dan penjagaan apabila mereka tua. Perkara ini sering dipraktikkan di kalangan masyarakat pekebun kecil. Ahli-ahli keluarga yang mempunyai pekerjaan tetap, pada setiap bulan memberikan sebahagian dari pendapatan mereka kepada ibu bapa. Anak-anak perempuan akan menjaga ibu bapa yang berumur sebagai membalas jasa mereka.

Itulah sebabnya mereka menitik beratkan soal-soal kebajikan dan pelajaran anak-anak. Kesannya, 15.0% (35 orang) dari jumlah ahli keluarga pekebun di Mukim Sungai Baru Tengah, berjaya memasuki institusi-institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau luar negeri. Mereka tidak mahu anak-anak mereka mewarisi kerja-kerja pertanian kerana mereka berpendapat status-quo dan taraf kehidupan yang tinggi tidak mungkin dicapai melalui sektor pertanian.

4.5 Umur dan taraf pendidikan responden

74.0% dari keseluruhan responden terdiri dari golongan yang memasuki peringkat pertengahan umur (36 - 55 tahun), manakala 16.0% atau 8 orang responden pula terdiri dari golongan tua. (Lihat Jadual 4.3). Di kedua-dua peringkat umur inilah mereka mula terus tinggal tetap dan membentuk keluarga besar.

Jadual 4.3 Umur Responden.

Kategori umur (orang)	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
Kurang 30	0	0.0
31 hingga 35	5	10.0
36 " 40	7	14.0
41 " 45	8	16.0
46 " 50	10	20.0
51 " 55	12	24.0
56 dan lebih	8	16.0
JUMLAH	50	100.0

Sumber: Soal Selidik

Pada peringkat umur yang sama, tahap pendidikan pekebun kecil relatif rendah dari golongan-golongan lain. Di kalangan pekebun kecil itu sendiri tahap pendidikan mereka berbeza.

Majoriti responden iaitu 42.0% cuma bersekolah atap atau pondok dan 24.0% pula tidak bersekolah. Cuma 4.0% sahaja yang berjaya menamatkan sekolah menengah manakala 26.0% responden tamat sekolah Melayu sahaja. 30% pekebun kecil yang berjaya menamatkan persekolahan merupakan pesara-pesara dan pernah berhijrah. Di peringkat umur tua barulah mereka tinggal tetap di kampung asal. Manakala pekebun kecil yang tidak bersekolah dan yang bersekolah atap membentuk pekebun kecil yang tinggal tetap. Aktiviti menoreh merupakan pekerjaan utama di samping melakukan kerja-kerja kampung seperti bersawah, berkebun, mengambil upah, nelayan dan sebagainya.

Kebanyakan responden mendapat pendidikan asas sahaja kerana ibu bapa mereka mengalami masalah ekonomi dan tidak mampu membiayai pelajaran mereka. Di samping itu, kelemahan sistem pendidikan di zaman kolonial merupakan faktor utama menyebabkan taraf pendidikan yang rendah di kalangan pekebun kecil.²

2. Ungku Aziz; Op. cit, hal. 5 dan 6,

4.6 Pekerjaan Responden.

62.0% responden dari golongan pertengahan umur merupakan pesara. Di masa muda mereka berkhidmat sebagai askar, polis, guru, pengawal keselamatan dan pekerjaan-pekerjaan lain. Mereka sering berhijrah mencari nafkah dan kini tinggal menetap di kampung asal mereka. Bakinya iaitu 48% pula tinggal tetap di kampung dan merupakan responden yang tidak pernah bersekolah.

Pekebun kecil di Mukim Sungai Baru Tengah boleh dibahagikan kepada pekebun kecil sepenuh masa dan pekebun kecil separuh masa.

48.0% responden adalah pekebun kecil sepenuh masa. Pekebun kecil sepenuh masa merupakan golongan petani yang bergantung sepenuhnya kepada hasil getah sebagai sumber pendapatan utama mereka. Mereka menjalankan kerja-kerja menoreh sepenuh masa dan merupakan aktiviti harian. Golongan ini adalah dominan di kalangan responden kerana mereka memiliki tanah sendiri walaupun saiznya kecil.

Pekebun kecil separuh masa pula adalah golongan yang tidak mempunyai kebun getah tetapi mempunyai kemahiran menoreh. 29.0% responden tergolong dalam kategori ini. Kebanyakan mereka adalah orang yang dipercayai oleh tuan-tuan tanah dan mempunyai teknik menoreh yang baik agar kulit pokok tidak rosak.

Selain dari menoreh, mereka menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang lain yang boleh memberikan pendapatan segera. Misalnya

mengambil upah, menjual buah-buahan di musim buah, menjadi buruh kasar, menjadi nelayan dan sebagainya. Pendapatan mereka tidak tetap dan tidak pula bergantung sepenuhnya kepada hasil getah.

Pekebun kecil separuh masa mengambil upah menoreh dari tuan-tuan tanah dengan kadar bayaran yang dipersetujui dan biasa dipraktiskan. Antara sistem mengambil upah yang biasa diamalkan di Mukim Sungai Baru Tengah ialah sistem pajak pokok dan sistem bahagi dua.

Sistem pajak pokok membenarkan pekebun kecil separuh masa memajak kebun getah dengan harga yang tertentu. Biasanya \$40.00 seekar untuk satu bulan. Untuk sistem bahagi dua, jumlah hasil getah untuk sebulan akan dibahagi sama antara tuan punya kebun dengan pekerja. Di samping itu terdapat juga syarat-syarat seperti "duit sekerap" boleh diambil oleh pengambil upah kiranya tuan tanah tidak membeli "ubat getah" (asid sulfurik). Sekiranya tuan tanah menyediakan ubat getah, maka perlulah "duit sekerap" tersebut dibahagi dua.

Keseluruhan responden menyatakan mereka mula menoreh pada pukul 6:00 pagi dan selesai pada pukul 12:00 tengahari. Bagi yang mempunyai kebun getah yang luas, teknik torshan berapi dilakukan. Teknik ini menggunakan pelita atau lampu yang diikatkan di kepala supaya kerja-kerja menoreh dapat dilakukan dalam gelap. Dengan menggunakan teknik ini mereka akan memulakan kerja menoreh pada pukul 4:30 atau 5:00 pagi dan selesai pada pukul 9:00 pagi.

Hasil getah dijual dalam bentuk-bentuk yang berbeza mengikut kawasan. Majoriti responden dari Kampung Air Hitam Darat dan Pengkalan Balak menjual dalam bentuk susu manakala responden di Kampung Tanjung Bidara dan Londang menjual dalam bentuk getah keping. Sebilangan kecil responden yang menjual dalam bentuk lantun (getah buku) yang dibekukan dalam mangkuk getah.

Perbezaan ini berlaku kerana beberapa faktor. Bagi responden yang menjual dalam bentuk susu getah dan lantun, mereka berpendapat ianya dapat menjimatkan ~~masa~~^{masa} kerana susu getah dan lantun tidak perlu diproses. Untuk memproses susu getah menjadi getah keping, masa yang diperlukan ialah lebih kurang dua jam. Maka kerja-kerja menoreh akan selesai lebih awal. Di samping itu di kawasan mereka terutama di Air Hitam Darat, terdapat pusat pengumpulan getah cair. Tetapi menurut responden yang menjual dalam bentuk getah keping yang siap diproses, mereka mendapat harga yang lebih tinggi berbanding dengan menjual dalam bentuk lantun atau susu cair.

4.7 Pola Pemilikan Tanah.

Tanah merupakan komoditi utama pekebun kecil. Pendapatan mereka bergantung kepada hasil yang diperolehi dari keluasan tanah. Sekiranya mereka memiliki kebun getah yang luas, mereka berupaya memperolehi pendapatan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan golongan yang mempunyai keluasan tanah yang kecil.

Jadual 4.4 Pola Pemilikan Tanah Getah

Keluasan Tanah (ekar)	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
1 - 3	16	32.0
4 - 6	11	22.0
7 - 9	8	16.0
10 - 12	11	22.0
Lebih 12	6	12.0
JUMLAH	50	100.0

Sumber: Soal-Selidik

Dari jadual 4.4 purata responden memiliki kebun getah seluas 5 ekar (2 hektar). Keluasan dan hak milik yang relatif kecil ini berlaku kerana amalan pembahagian harta pusaka. Harta pusaka terpaksa diagihkan di kalangan waris-waris yang berhak menerimanya. Akibatnya beberapa orang berkongsi hak ke atas sebidang tanah. Sekiranya berlaku perselisihan (conflict) di antara pewaris, maka tanah akan dipecahkan kepada gran-gran tanah yang lebih kecil. Pola pemilikan yang sedemikian adalah tidak ekonomi untuk diusahakan dan menghalang pembangunan pertanian.

Terdapat juga petani-petani yang tidak mempunyai kebun getah atau kebun mereka masih muda. Bagi mengatasi masalah ketiadaan tanah dan kehilangan punca pendapatan mereka akan menyewa atau mengambil upah mengerjakan kebun orang lain. Mereka mengusahakan 24.2% tanah getah dan 45.0% dari pemawah telah terlibat dalam sistem pawah lebih dari 5 tahun dan masih dalam umur ekonomi aktif.

4.8 Pendapatan Responden.

Pendapatan pekebun kecil bergantung kepada peredaran musim terutama sewaktu musim panas, musim hujan dan musim daun getah luruh. Susu getah akan berkurangan sekiranya pokok-pokok getah ditoreh dalam musim-musim tersebut. Ini boleh menjejaskan pendapatan mereka. Purata pekebun menoreh 20-25 hari dalam sebulan dan pendapatan yang diperolehi ialah \$300-\$400 / bulan. Tetapi, bila berlaku perubahan dalam musim, pekebun kecil cuma dapat bekerja antara 10-15 hari dalam sebulan dan pendapatan yang diperolehi dalam tempuh ini kira-kira \$100-\$250.00 sebulan.

Responden memperolehi pendapatan sampingan dengan menjalankan kerja-kerja seperti menangkap atau menternak ikan, memelihara binatang-binatang ternakan dan berniaga di pasar malam. Bagi responden yang terdiri dari golongan tua mereka menerima sumbangan dan bantuan kewangan antara \$50-\$150.00 sebulan daripada anak-anak mereka yang sudah mempunyai pekerjaan tetap.

Purata responden memperolehi pendapatan antara \$100-\$400.00 sebulan dari segala punca pendapatan dengan pendapatan purata ialah \$230.00 sebulan. (Lihat Jadual 4.5)

Dengan pendapatan purata \$100-\$400.00 sebulan adalah sukar bagi responden untuk mewujudkan tabungan kerana semua pendapatan yang diperolehi dibelanjakan oleh isirumah. Dengan saiz purata lima orang bagi satu keluarga, pendapatan yang diperolehi sekadar mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup.

Jadual 4.5 Pendapatan Bulanan Responden

Pendapatan (\$)	Bil. Responden (orang)	Peratus (%)
Kurang 100	3	6.0
101 - 200	13	26.0
201 - 300	16	32.0
301 - 400	12	24.0
401 - 500	-	-
Lebih 500	6	12.0
JUMLAH	50	100.0

Sumber: Soal-Selidik

Cuma 8.0% responden mempunyai tabungan sebagai langkah menghadapi kecemasan, berjimat-cermat^{dan} untuk menunaikan fardhu haji. Simpanan mereka dibuat di dalam Pejabat Pos dan Lembaga Urusan Tabung Haji.

Setelah dianalisa kedudukan tahap pendapatan pekebun kecil, 88.0% keluarga adalah di bawah kemiskinan. Mengikut RESTU⁴, setiap pekebun kecil hendaklah mendapat sekurang-kerangnya \$500 sebulan dan di Mukim Sungai Baru Tengah terdapat 88.0% keluarga belum mencapai tahap yang dikehendaki.

4. Nota Taklimat Kemajuan RISDA, Daerah Alor Gajah kepada ahli-ahli Mesyuarat Tindakan, Daerah Alor Gajah, 1986.

BAB 5: RANCANGAN TANAM SEMULA

5.1 Pendahuluan

Rancangan Tanam Semula telah dilaksanakan sejak tahun 1952 di bawah kelolaan Lembaga Perusahaan Getah (Penanaman Semula) Fund B dan telah diambil alih oleh RISDA pada tahun 1973. Projek-projek yang termasuk di bawah program tanam semula seperti:

- 1) Tanam Semula Individu mengikut bantuan (TSI)
- 2) Tanam Semula Berkelompok (TSB)
- 3) Tanam Semula Serentak (TSS)
- 4) Rancangan Mini Estet

Tujuan utama Rancangan Tanam semula adalah untuk meningkatkan lagi taraf sosio ekonomi pekebun kecil dengan cara:

- 1) Menambahkan daya pengeluaran kebun-kebun kecil yang sedia ada melalui penggunaan benih-benih yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi.
- dan 2) Mempelbagaikan jenis tanaman selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

5.2 Takrif Rancangan Tanam Semula

Mana-mana kawasan yang mengandungi sekurang-kurangnya lima keping tanah yang terletak berhampiran di dalam satu kawasan dan jumlah keluasan tidak kurang daripada 20 ekar, sekumpulan kebun ini jika dikerjakan secara berkelompok dan serentak boleh ditakrifkan sebagai Rancangan TSB.

Tiap-tiap Rancangan TSB mesti dikelolakan oleh satu Jawatankuasa yang terdiri dari peserta-peserta sendiri.

Rancangan TSS mula diperkenalkan dalam tahun 1986. Ditakrifkan sebagai mana-mana kawasan kebun getah yang berselerak tetapi masih di dalam satu kampung dan usaha tanam semula dilaksanakan secara serentak. Rancangan TSS hanya dilaksanakan sekiranya Rancangan TSB tidak boleh dipraktikkan. Walaupun berasaskan konsep TSB, Rancangan TSS berbeza kerana dikedalikan sendiri secara langsung oleh pemilik-pemilik (pekebun kecil berkenaan).

Konsep pembangunan tanah pekebun kecil secara Mini Estet telah diwujudkan pada tahun 1978. Rancangan Mini Estet ditakrifkan sebagai blok kawasan getah atau beberapa blok kawasan yang berdekatan di mana peserta-peserta memberi kuasa kepada RISDA untuk membangunkan tanah-tanah mereka mengikut prinsip-prinsip pengurusan estet swasta. Blok kawasan merupakan hasil daripada penyatuan beberapa keping tanah kepunyaan pekebun kecil yang bersempadan antara satu dengan lain.

Maka boleh dikatakan Rancangan Tanam Semula di bawah RISDA merupakan satu usaha menanam semula pokok getah secara berkumpulan, seragam dan mementingkan kerjasama antara pekebun-pekebun kecil. Rancangan Tanam Semula RISDA seperti TSB, TSS dan Mini Estet berbeza dari rancangan TSI tetapi masih di bawah pengawasan RISDA. Bagi membolehkan individu memperolehi bantuan Tanam Semula, kawasan yang ingin ditanam semula mesti mempunyai keluasan kurang dari 10 ekar.

5.3 Perlaksanaan Rancangan Tanam Semula

Bagi membuat perancangan dan mengenalpasti Rancangan Tanam Semula yang sesuai, RISDA mengedarkan borang-borang permohonan bantuan semula. Borang ini disediakan di setiap pejabat-pejabat RISDA. Pemohon perlu mengistiharkan semua kebun-kebun getah dan tanah kosong yang dimiliki kerana penentuan hak keluasan adalah berdasarkan kepada jumlah keluasan kawasan getah.

RISDA mengambil enam hingga duabelas bulan untuk memproses borang-borang tersebut. Itulah sebabnya mengapa RISDA menetapkan permohonan tanam semula dilakukan setahun lebih awal. Adalah ditegaskan di sini bahawa daftar permohonan tanam semula dibuka dua tahun ke hadapan.¹ Selepas borang-borang diproses satu pelan kawasan yang menunjukkan kedudukan semua lot-lot tanah yang terlibat disediakan supaya kerja-kerja perancangan dan pengawasan mudah dilakukan.

Dalam masa memproses borang, penerangan disampaikan kepada semua peserta supaya mereka faham akan maksud dan cara perlaksanaan Rancangan Tanam Semula, serta peranan dan tanggungjawab mereka.

Perlantikan jawatankuasa dilakukan selepas semua pihak faham dan bersetuju dengan bentuk Rancangan Tanam Semula yang akan dilaksanakan. Jawatankuasa ini terdiri dari peserta-peserta Rancangan Tanam Semula dan mereka akan mentadbirkan perjalanan rancangan tersebut. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan

1. Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, Bil. (28) dalam 811 - 170/6-2-5, Jilid 4, bertarikh 1hb. Jun, 1978.

dasar-dasar dan cara-cara rancangan ini patut diusahakan supaya sesuai dengan kehendak ahli-ahli. RISDA pula bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa ini untuk menentukan kejayaan Rancangan Tanam Semula.

Kerja-kerja tanam semula dilaksanakan sama ada oleh peserta sendiri atau oleh pemborong-pemborong yang berpengalaman dalam kerja-kerja tanam semula. Kerja-kerja berat seperti menolak pokok dan membajak dilakukan oleh pemborong tetapi untuk kerja-kerja lain dilakukan oleh pekebun kecil secara gotong royong. Peraturan dan jadual kerja disediakan sekiranya kerja-kerja tanam semula dilakukan oleh peserta-peserta dan Jawatankuasa dengan kerjasama RISDA.

Sekiranya kerja-kerja dilakukan oleh pemborong, Pegawai RISDA Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Tanam Semula akan melantik seorang pemborong yang berpengalaman dalam kerja-kerja tanam semula. Pemilihan pemborong dilakukan melalui sebut harga (tender). Peserta-peserta memberi kuasa kepada RISDA supaya surat perjanjian antara pemborong dan RISDA untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan.

Segala bayaran bantuan kepada pemborong berasaskan kepada potongan wang cagaran sebanyak 10.0% dari jumlah nilai bayaran yang dibuat. Wang cagaran ini akan dibayar balik sesudah kerja-kerja yang perlu dilakukan telah sempurna dan RISDA berpuashati.

Satu lawatan dilakukan oleh pegawai kanan RISDA dibantu

oleh penyelia kawasan dan sekurang-kurangnya dua orang ahli Jawatankuasa sebelum setiap bantuan diluluskan. Setelah Pegawai Kanan RISDA berpuashati barulah bayaran bantuan diluluskan. Seorang dari Jawatankuasa Tanam Semula dilantik untuk memegang surat Wakil Kuasa bagi pihak peserta. Semua cek pembayaran akan dibuat atas nama wakil tersebut.

Rancangan Mini Estet dilaksanakan mengikut konsep Rancangan TSB dan TSS². Sebagai sebuah program pembangunan tanah, semua kerja-kerja asas pembangunan rancangan Mini Estet dijalankan secara kontrek. Untuk kerja-kerja penyelenggaraan kawasan ladang dilakukan dengan mengambil peserta-peserta dan pekebun kecil separuh masa sebagai buruh kasar. Penyediaan tapak samaian perlu bagi tiap-tiap rancangan Mini Estet kerana boleh menentukan keperluan benih.

Rancangan Tanam Semula merupakan penanaman semula kebun getah mengatasi masalah-masalah pekebun kecil yang mempunyai hak milik tanah yang tidak ekonomik (keluasan kurang dari 10 ekar). Perlaksanaannya dilakukan secara bersistem. Kerja-kerja penyelenggaraan rancangan dilakukan menurut peraturan dan jadual waktu yang disediakan oleh RISDA. Bagi Rancangan Tsi, segala perlaksanaannya dilakukan secara persendirian. Mereka mempunyai modal sendiri dan tenaga buruh diperlolehi di kalangan ahli-ahli keluarga. Namun begitu RISDA mengawasi Rancangan TSI supaya tidak menemui kegagalan, Kalau pekebun kecil mempunyai masalah, mereka terpaksa berhubung terus dengan pegawai RISDA di pejabat RISDA.

2. RISDA; Rancangan Mini Estet, Unit Hal Ehwal Awam, Ibu Pejabat RISDA, September 1980.

Hak meluluskan bantuan ditentukan oleh pegawai RISDA dan bayaran dibuat terus atas nama peserta.³

5.4 Jawatankuasa Tanam Semula

Perlaksanaan Rancangan Tanam Semula memerlukan penglibatan dan usaha-usaha sepenuhnya dari peserta-peserta. Faedah-faedah dari kemudahan yang diperolehi dari RISDA seperti bantuan kewangan pembekalan matabenda dan lain-lain perkhidmatan teknikal dan juga kemudahan-kemudahan dari agensi-agensi lain kerajaan serta sumbangan pihak pemborong dalam bentuk tenaga kerja disalurkan bagi kejayaan sesuatu program, melalui satu Jawatankuasa Tanam Semula yang dilantik dari peserta-peserta sendiri.⁴

Selain dari itu Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai badan perantaraan di antara peserta-peserta dengan RISDA dan lain-lain agensi kerajaan bagi menyampaikan segala maklumat dan kesulitan untuk tindakan segera dari pihak-pihak yang berkenaan dan mendapatkan segala bantuan yang diperlukan sama ada dalam bentuk matabenda ataupun perkhidmatan teknikal. Melalui Jawatankuasa juga dapat disusun rancangan bagi mempergiatkan lagi hasil penanaman kontan supaya hasil pengeluarannya boleh dipasarkan dengan meluas.

3. Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, No.84, bertarikh 6hb. September, 1979.

4. Ibid.

Pada umumnya terbentuk satu-satu Rancangan Tanam Semula itu adalah hasil dari aktiviti perkembangan yang dijalankan sendiri oleh Pegawai Implementor atau dari kempen-kempen penerangan. Ada juga disetengah-setengah tempat Rancangan Tanam Semula muncul setelah dibuat penentuan dari pernyataan lawatan.

Jawatankuasa ditubuhkan setelah peserta-peserta ditentukan. Tugas penting Pegawai Implementor memberi penerangan yang cukup lengkap akan peranan-peranan penting yang mesti dimainkan oleh Jawatankuasa. Pegawai Implementor juga menggunakan kepintaran dan pengaruhnya berdasarkan kepada pengalaman tempatan supaya AJK yang dilantik itu benar-benar dari peserta yang berkebolehan dan sentiasa memberi sokongan untuk kejayaan dan kemajuan Rancangan Tanam Semula keseluruhannya.


Setelah Jawatankuasa ditubuhkan, peranannya boleh dilaksanakan dalam dua cara; bergantung kepada penerimaan dan daya pemikiran peserta-peserta seperti Langkah Jangka Pendek dan Langkah Jangka Panjang.

Di dalam Langkah Jangka Pendek, jawatankuasa dilantik dari peserta-peserta sendiri. Surat Wakil Kuasa (SWK) diberi kepada RISDA. Jika ada perjanjian dengan pemborong, maka perjanjian adalah dibuat antara RISDA dengan Pemborong. Tetapi Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyelia kerja-kerja pemborong. Bayaran bantuan seterusnya selepas kontrek dengan pemborong tamat, dibuat kepada Jawatankuasa.

Ia juga berkuasa menerima dan menguruskan bantuan-bantuan dari RISDA dan lain-lain pihak bagi pihak peserta.

Sistem ini dapat diterangkan dengan rajah berikut: (5.1)

Rajah 5.1: Peranan Jawatankuasa dan RISDA dalam sistem Jangka Panjang.



Sumber: Ibu Pejabat RISDA Bahagian Tanam Semula.

Langkah Jangka Pendek ini sesuai untuk jangka masa permulaan kerja hingga tamat bantuan semula. Jawatankuasa adalah terlindung dari tindakan Guaman kiranya terjadi pengingkaran perjanjian oleh pemborong kerana perjanjian adalah ditandatangani oleh RISDA dan pemborong. Walaupun SWK dipegang oleh RISDA, Jawatankuasa boleh mengambil langkah-langkah positif terhadap peserta-peserta yang tidak dapat menjayakan kebun mereka atas sebab-sebab tertentu, kerana bayaran bantuan adalah disalurkan melalui Jawatankuasa. Penyelewengan dan penyalahgunaan wang bantuan dielakkan dengan adanya pegawai Implementor sebagai "Co-signatory". Jawatankuasa masih bergantung kuat kepada RISDA, maju mundur rancangan adalah tanggungjawab bersama RISDA dan jawatankuasa.

Dalam Langkah Jangka Panjang Jawatankuasa memikul segala tanggungjawab sepenuhnya atas segala urusan mentadbir dan memajukan rancangan Tanam Semula.

Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri dari peserta-peserta tanam semula itu sendiri. Jika Tanam Semula didaftarkan sebagai satu badan, maka SWK diberi kepada Jawatankuasa Tanam Semula. Jika ada perjanjian, surat perjanjian dibuat di antara Jawatankuasa dengan pemborong. RISDA hanya menjadi saksi kepada perjanjian itu. Orang kenamaan yang berpengaruh seperti penghulu boleh juga dilantik sebagai Penaung/Ahli Kehormat.

Jawatankuasa mempunyai kuasa penuh mengawasi kerja-kerja pemborong dan bayaran kepada pemborong dibuat oleh Jawatankuasa.

5.5 Syarat-syarat, Bantuan dan Kos

RISDA menetapkan tiga syarat kelayakan tanah yang mesti dipenuhi satu diantaranya untuk memasuki Rancangan Tanam Semula. Tanah yang dipohon untuk Rancangan Tanam Semula mesti mengandungi pokok getah tua yang sudah ditoreh dan mengeluarkan hasil. Sekiranya pokok getah itu sudah ditebang sebelum membuat permohonan, maka tunggul-tunggulnya mesti boleh dilihat lagi. Kalau tunggul getah tidak kelihatan maka buku lesen getah yang mempunyai catatan tarikh penanaman boleh dijadikan bukti bahawa tanah tersebut dahulunya kebun getah.⁵

Bagi pekebun kecil ingin menyertai Rancangan Mini Estet pendapatan utama mereka bergantung kepada hasil getah dan semasa pokok getah tua ditebang mereka tidak berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan lain.

Mulai 1hb. Januari, 1981 bantuan kepada pekebun-pekebun kecil berhubung dengan permohonan yang telah diluluskan untuk tanam semula adalah mengikut kadar seperti berikut:⁶

- 1) \$2,200 seekar bagi tanaman getah atau \$1,500 seekar bagi lain-lain tanaman kepada pekebun kecil yang memiliki tanah kurang dari 10 ekar (4.05ha)

5. Surat Pekelling Bahagian Tanam Semula, Bil.29, dalam 811-170/1-3-1, Jilid 3, bertarikh 5hb. Mei, 1977, bertajuk: "takrif Tanam Baru - Para 15(2) dan 16(1), Skim No.5."

6. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula seperti berikut:

- i) Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, No. 102, bertarikh 25hb. Mac, 1981.
- ii) Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, No. 112, bertarikh 11hb. Januari, 1984.
- iii) Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, No. 113, bertarikh 20hb. Mac, 1984.

- 2) \$1500 seekar bagi tanaman getah atau \$1200 seekar bagi lain jenis tanaman kepada pekebun kecil yang memiliki tanah lebih daripada 10 ekar.

Bantuan Rancangan Tanam Semula dibayar dengan cek atau waran dan dibayar secara 7 kali ansuran.

Kos penyelenggaraan dalam Rancangan Tanam Semula berasaskan konsep bersama, iaitu keseluruhan perbelanjaan pembangunan ditanggung bersama oleh peserta dengan persetujuan Jawatankuasa. Kos bersama diagihkan secara peratus mengikut keluasan tanah bagi seorang peserta. Bantuan Tanam Semula yang diterima oleh pekebun kecil dipotong oleh RISDA untuk menampung kos penyelenggaraan. Pemotongan bantuan dilakukan sehingga bantuan ketiga atau keempat?

6.2 Masalah Tanah

Sejak Rancangan Tanam Semula di bawah Kelulusan Jawatankuasa Menteri Getah Tanah Semula, masalah pertubuhan RISDA pada tahun 1973, masalah tanah masih belum dapat diatasi sepenuhnya.

Perkara ini pun dihadapi oleh pekebun kecil dalam segi tanah semula ialah masalah tukar syarat. Seorang pemilik tanah dari jenis tanaman lain yang ingin tanam semula dengan tanaman getah, mestilah memenuhi syarat tanah terlebih dahulu. Pekebun kecil tidak mengetahui cara-cara untuk memenuhi syarat kerana taraf pendidikan mereka rendah. (Lihat Bab 4.5 Tanah dan Taraf Pendidikan Responden).

7. Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, No. 110, bertarikh 7hb. Februari, 1983.

Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, Bil. 19, dalam Bil. 1/8/1-3-1, Jilid 3, bertarikh 7hb. Feb. 1983, bertajuk "Pekeliling Tanam Baru-Para 15(2) dan 15(4), Unit No.3

BAB 6: MASALAH RANCANGAN TANAM SEMULA

6.1 Pendahuluan

Rancangan Tanam Semula dilaksanakan pada tahun 1952, dan sehingga kini 65.0% kawasan getah telah ditanam semula. Namun begitu timbul masalah-masalah yang menyebabkan Rancangan Tanam Semula kurang mendapat sambutan, lewat perlaksanaannya dan setengah-setengah Rancangan Tanam Semula menemui kegagalan.

Di antara masalah-masalah itu adalah, masalah tanah, masalah untuk memproses borang permohonan, salah guna bantuan, masalah kos dan masalah sikap peserta.

6.2 Masalah Tanah

Sejak Rancangan Tanam Semula di bawah kelolaan Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula hinggalah tertubuhnya RISDA pada tahun 1973, masalah tanah masih belum dapat diatasi sepenuhnya.

Perkara paling rumit dihadapi oleh pekebun kecil dalam segi tanam semula ialah masalah tukar syarat. Seseorang pemilik tanah dari jenis tanaman lain yang ingin tanam semula dengan tanaman getah, mestilah menukar syarat tanah terlebih dahulu.¹ Pekebun kecil tidak mengetahui cara-cara untuk menukar syarat kerana taraf pendidikan mereka rendah. (Lihat Bab 4.5 Umur dan Taraf Pendidikan Responden).

1. Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, Bil. 29, dalam 811-176/1-3-1, Jilid 3, bertarikh 5hb. Mei, 1977, bertajuk "Takrif Tanam Baru-Para 15(2) dan 16(1), Skim No.5

Untuk mengatasi masalah ini maka penukaran syarat dilakukan melalui RISDA. Dalam tahun 1978, RISDA Masjid Tanah mengendalikan 25 permohonan untuk menukar syarat tanah. Bilangan permohonan meningkat kepada 33 orang pada tahun 1979².

Namun begitu, sebahagian besar dari pemohon yang terlibat dalam tukar syarat, telah tergendala atau terbuntu untuk bertanam semula. Di kalangan responden, seramai 14 orang (28.0%) menukar syarat tanah melalui RISDA Masjid Tanah dalam tempoh 1978 hingga 1982. Dari jumlah ini, 5 permohonan tanam semula ditangguh selama setahun. Menurut pegawai RISDA, kelewatan ini berlaku kerana Pejabat Tanah dan Galian mengambil masa yang lama (60 hingga 180 hari) untuk meluluskan ubah syarat tanah. (lihat Lampiran 3 dan 4). Sebenarnya Pejabat Tanah bergantung kepada jabatan-jabatan lain yang berkenaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kerja Raya dan sebagainya untuk memberi komen dan kelulusan.

Jika nilai tanah didapati melebihi \$25,000 permohonan akan dimajukan pula untuk tindakan Pejabat Tanah dan Galian Negeri, kemudian ke Jawatankuasa Kerja Negeri untuk kelulusan³. Proses yang begini rupa memakan masa yang sangat lama.

Sekiranya terdapat pemilik tanah yang meninggal dunia, tukar syarat tidak dapat dilakukan selagi kebun itu belum selesai dibicara-kuasa.

2. Pejabat RISDA, Masjid Tanah.

3. Op. Cit.

Jika waris si mati tinggal berjauhan, bicara-kuasa akan ter-
gendala beberapa lama.

Pekebun kecil memiliki keluasan tanah yang tidak ekonomik.⁴ Terdapat sebilangan besar responden (32.0%) memiliki keluasan tanah yang kecil iaitu 1 hingga 3 ekar. Saiz yang kecil tidak dapat menampung sara hidup pekebun kecil yang bergantung sepenuhnya dari hasil tanah itu. (48.0%) responden merupakan pekebun kecil sepenuh masa. (Lihat Bab 4.6: Pekerjaan Responden). Di samping itu, terdapat pekebun kecil yang tiada mempunyai mata pencarian lain, bergantung semata-mata dari hasil getah yang dipusakai turun temurun menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti Rancangan Tanam Semula.

Kedudukan tanah yang berselerak menimbulkan masalah pengurusan Rancangan Tanam Semula. Tanah yang berselerak berlaku kerana kecenderungan responden berkahwin dengan penduduk dari kampung berhampiran. Seramai 10 orang responden terdiri dari suami/isteri berasal dari kampung berhampiran. Suami/isteri responden mewarisi tanah kebun di kampung asal mereka. Responden mendapati sukar untuk menjaga tanah-tanah kebun ini kerana kekurangan tenaga penjaga dan kedudukan kebun itu sendiri jauh dari tempat tinggal. Misalnya, seorang responden dengan keluasan tanah 4 ekar menyertai Tanam Semula Berkelompok (TSB) di Tanjung Bidara pada tahun 1979. Isterinya mempunyai tanah seluas 7 ekar di Paya Belantai, pada tahun 1980 menyertai Rancangan Mini Estet. Beliau mendapati sukar untuk membahagi-bahagikan masa untuk menjaga kedua-dua kebun getah tersebut kerana jarak antara dua kebun tersebut

4. Aladdin Hashim; Op Cit, hal. 35.

kira-kira 6 km. Beliau menghadapi masalah tertahan bantuan untuk tanah kebun di Tanjung Bidara dan sehingga kini masih menerima ansuran bantuan tanam semula yang kelima.

Hak milik tanah berkongsi juga menimbulkan masalah dalam segi penerimaan permohonan untuk tanam semula. Seramai 20.0% responden yang menyertai tanam semula memiliki tanah secara berkongsi. Ini berlaku kerana pola pewarisan tanah di kalangan pekebun kecil membenarkan sekeping tanah dipecahkan kepada gran-gran yang kecil untuk diwarisi oleh saudara mara yang berhak menerimanya. Sebagai contoh, sebidang tanah seluas 4 ekar yang menyertai Tanam Semula Berkelompok di Tanjung Bidara pada tahun 1977, dikongsi oleh tiga orang saudara mara. Masalah perhubungan timbul kerana salah seorang dari mereka telah berhijrah ke Kuala Lumpur, tetapi masih mempunyai hak ke atas tanah empat ekar tersebut.

RISDA memerlukan persetujuan semua pihak yang berkongsi secara bertulis di atas Surat Wakil Kuasa, sebelum tanam semula dilaksanakan.⁵ Soal "Absentee-Land Owner" dan setengah pihak yang sengaja tidak mahu menjalankan tanam semula menjadikan tanah tidak bertanam semula.

6.3 Masalah Memproses Permohonan

RISDA mengambil jangkamasa yang lama untuk memproses permohonan tanam semula. Pada lazimnya, borang permohonan yang memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan bantuan tanam semula

5. Surat Pekeliling Bahagian Tanam Semula, Bil.87, dalam 811-170/6-2-5, Jilid 2, bertarikh 14hb. Februari, 1977.

diproses dalam tempuh 6 bulan hingga 12 bulan. (Lihat Lampiran 3 dan 4)

Kelewatan memproses borang permohonan disebabkan beberapa faktor. Antaranya, borang-borang permohonan diisi tidak lengkap. Alamat pekebun-pekebun kecil yang tidak tepat menyebabkan surat-surat yang dikirimkan tidak sampai. Adakalanya tanah-tanah yang dipohon untuk menyertai tanam semula tidak memenuhi syarat-syarat dan mengubah syarat akan mengambil masa 60 hingga 180 hari. Kegagalan mendapatkan pengesahan hak milik atau surat Wakil Kuasa memburukkan lagi keadaan.

Bagi mengatasi masalah tersebut, kakitangan RISDA dan pegawainya mengisikan borang permohonan bagi pihak pekebun kecil. Borang-borang permohonan diisi secara serentak sewaktu aktiviti-aktiviti khidmat Pembangunan. Sewaktu melaksanakan Rancangan Tanam Semula, RISDA Masjid Tanah mengadakan 14 unit ceramah dan dialog dalam dua bulan sekali, 10 unit mesyuarat, 15 unit lawatan sambil belajar dan 106 unit tunjuk ajar sepanjang tahun 1978⁶. Pada tahun-tahun berikutnya Aktiviti Khidmat Pengembangan dipergiatkan lagi dan beberapa program baru diwujudkan. Pada tahun 1984 mula diperkenalkan pertandingan/pameran dan program projek perintis yang bertujuan memberikan khidmat nasihat bagaimana mempertingkatkan pendapatan di kalangan pekebun kecil. Pencapaian aktiviti ini ditunjukkan oleh jadual berikut.

-
6. RISDA; Laporan Pencapaian Aktiviti Khidmat Pengembangan 1978. Masjid Tanah, 1979.

Jadual 6.1 Pencapaian Aktiviti Khidmat Pengembangan

(RISDA Masjid Tanah bagi tahun 1984-1986)

Program	Unit	Bilangan peserta	Perbelanjaan (\$)
Ceramah/Dialog	84	5,000	10,055
Tunjuk ajar	406	6,177	17,458
Kursus Teknik	4	158	2,329
Mesyuarat	10	547	1,225
Lawatan sambil belajar	25	918	4,739
Pertandingan/pameran	7	25,210	17,502
Projek Perintis	6	20	4,590
Jumlah	542	38,030	57,898

Sumber: Pejabat RISDA Masjid Tanah.

Berdasarkan bilangan peserta, secara keseluruhan aktiviti pengembangan yang dikelolakan oleh RISDA mendapat sambutan di kalangan pekebun kecil.

Melalui aktiviti-aktiviti ini pekebun kecil dikehendaki datang ke Pejabat RISDA berhampiran dan membawa bersama geran tanah dan keterangan-keterangan lain. Tujuannya untuk mengelakkan sebarang kelewatan mengesahkan hak milik di Pejabat-pejabat Tanah, kesilapan mengisi borang permohonan dan memberikan gambaran mengenai Rancangan Tanam Semula yang akan dilaksanakan.

6.4 Masalah Perlaksanaan

Tuan-tuan tanah yang tidak tinggal berdekatan dengan tanahnya (Absentee Land-owner) menghalang perlaksanaan Rancangan Tanam Semula. 16.0% responden telah menerima Surat Wakil Kuasa untuk mengambil alih mengusahakan tanah-tanah milik Absentee Land-owner. Golongan ini (Absentee Land-owner) memiliki 40.0% dari keseluruhan tanah responden yang menyertai Rancangan Tanam Semula. Di samping itu mereka merupakan golongan yang mempunyai punca pendapatan tetap, maka mereka mewakili saudara mara menguruskan kebun-kebun milik mereka. RISDA menghadapi masalah untuk berhubung dengan tuan-tuan tanah tersebut, sekiranya borang permohonan tidak lengkap. Penyampaian maklumat-maklumat, teknik-teknik dan khidmat nasihat tidak dapat disampaikan secara berkesan.

Pekebun kecil menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh untuk penjagaan dan pengawasan kebun. 55.0% responden terdiri dari golongan pertengahan umur (Lihat Bah 4.3: Umur dan Tahap Pendidikan Responden) dan tidak berupaya menguruskan kebun seorang diri. Anak-anak muda telah berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Kemiskinan pula menghalang responden mengupah orang lain untuk menjalankan kerja-kerja pengawasan. Pendapatan purata responden, iaitu \$230 sebulan (Lihat Bab 4.8: Pendapatan Responden) tidak mencukupi untuk tujuan mengupah. Akibatnya kebun-kebun terbiar selepas penyerahan semula kerja-kerja pengawasan kepada pekebun kecil.

Kedudukan tanah berhampiran kawasan yang dikenalpasti untuk Rancangan Tanam Semula boleh mempengaruhi perlaksanaan

rancangan tersebut. Tuan punya tanah berhampiran kawasan Rancangan Semula menuntut ganti rugi jika berlaku kerosakan pagar atau pokok getah mereka. Sewaktu perlaksanaan Tanam Semula Berkelompok di Bukit Langsat pada tahun 1979, sebanyak \$165 dibayar sebagai ganti-rugi kerosakan pagar. Sebaliknya, sewaktu perlaksanaan Peringkat kedua Mini Estet Gaung Tinggi di Paya Belantai pada tahun 1980, \$470 dibayar sebagai gantirugi kerosakan tanah dan pokok getah akibat jentera-jentera berat melalui kawasan tanah berhampiran?

Bagi menghadapi masalah yang timbul dari kedudukan kawasan berhampiran, Jawatankuasa Tanam Semula perlu meminta kebenaran dari tuan-tuan tanah berhampiran supaya membenarkan jentera berat melalui tanahnya. Rundingan mengenai gantirugi dilakukan dengan tuan tanah tersebut dan pada lazimnya Jawatankuasa memohon harga yang paling minima.

Terdapat juga beberapa pekebun kecil tidak mahu menyertai Rancangan Tanam Semula sedangkan kedudukan tanah mereka berada di tengah-tengah kawasan yang dikenalpasti untuk Rancangan Tanam Semula. Masalah ini diatasi dengan perundingan di antara Jawatankuasa dan tuan tanah berkenaan. Jawatankuasa akan menggunakan pengaruhnya untuk memujuk tuan tanah tersebut supaya menyertai Rancangan Tanam Semula.

Masalah keluarga peserta-peserta rancangan juga termasuk di dalam urusan Tanam Semula. Hal-hal peribadi, perselisihan

7. Abdul Manaf b. Rahmat; "Profail Mini Estet Gaung Tinggi 1987"; Masjid Tanah, 1987.

faham antara ahli-ahli keluarga menimbulkan kesulitan perhubungan antara RISDA dengan peserta. Kesukaran mendapatkan kebenaran dari pihak-pihak berkongsi, tuan-tuan tanah yang meninggal dunia, pemecahan sempadan dan hak milik yang belum dibicarakan boleh menggagalkan Rancangan Tanam Semula.

6.5 Masalah Bantuan Tanam Semula.

Bantuan Tanam Semula dibayar secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak tujuh kali ansuran. Pemeriksaan dilakukan oleh Penyelia Rancangan Tanam Semula untuk memastikan keadaan kebun kemas dan terjaga. Setelah pihak penyelia berpuas hati dengan keadaan pokok, barulah bantuan tanam semula diluluskan. Pemeriksaan dilakukan di setiap peringkat ansuran bantuan sehingga tamat tempoh pembayaran Bantuan Tanam Semula.

Ada beberapa sebab mengapa kebun-kebun tanam semula tertahan bantuan. Antaranya, kawasan kebun yang tidak dibersihkan, cantuman pokok yang tidak berjaya dan bilangan pokok tidak mencukupi kepadatan. Kepadatan pokok yang dikehendaki ialah 200 pokok per ekar. Cantuman pokok tidak akan berjaya kalau jarak antara semaian terlalu dekat. Jarak 60sm X 15sm (24inci X 6 inci) antara pokok getah dianggap sesuai untuk pokok getah hidup subur. Sumber dari Pejabat RISDA menyatakan sebanyak sembilan kes tertahan bantuan pada tahun 1982. Tujuh kes (melibatkan kawasan seluas duapuluh lima ekar) disebabkan oleh masalah kebun yang tidak bersih. Manakala dua kes pula disebabkan oleh pokok yang tidak mencukupi kepadatan.

Kewujudan pemilik (penama) baru, merumitkan pembayaran bantuan tanam semula. Selepas peserta tanam semula meninggal dunia, timbul persoalan siapa yang berhak menerima bayaran bantuan. Mengubah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan borang permohonan tanam semula menyulitkan lagi pengurusan RISDA.

6.6 Masalah Kos

80.0% responden merupakan golongan yang tidak mempunyai modal untuk membayar kos Rancangan Tanam Semula. Pendapatan yang relatif rendah (purata pekebun kecil memperolehi pendapatan \$230.00 sebulan) tidak mencukupi untuk membuat tabungan atau modal kerana semua pendapatan dibelanjakan untuk keperluan isi-rumah.

Untuk mengatasi masalah tersebut, kos pembangunan dan penyelenggaraan Rancangan Tanam Semula diuruskan oleh RISDA melalui pemotongan bantuan tanam semula pekebun kecil. Biasanya sehingga ansuran yang ketiga atau keempat barulah dapat menampung kos Rancangan Tanam Semula. Lihat Lampiran V. Ini bermakna setiap peserta akan menerima baki bantuan tanam semula selepas ansuran ketiga atau keempat. Pekebun kecil sepenuh masa akan menghadapi masalah kewangan dalam tempuh pemotongan bantuan tanam semula.

Kos pembangunan Rancangan Tanam Semula bergantung kepada bentuk muka bumi kawasan yang dikenalpasti untuk tanam semula. Bagi kawasan tanah pamah kosnya relatif rendah dari kawasan berpaya dan tanah berbukit. Kos pembangunan Rancangan Tanam Semula bagi kawasan tanah pamah ditunjukkan oleh jadual 6.2.

Jadual 6.2 Kos Pembangunan Rancangan Tanam Semula

Pekara	Kos per ekar
1. Menolak, menyusun, membakar, membakar kali ke-2	\$300.00
2. Membajak (plough) 2 kali dan harrow 1 kali	\$ 86.00
3. Membaris	\$ 12.00
4. Melubang 2' X 1' X 1' atau 200 pokok per ekar	\$38.00
#5. Menanam 200 pokok per ekar dan kerja-kerja menyulap mati	\$ 97.80
6. Pagar keliling dengan 5 lapis kawat duri. Kekerapan tiang 6kaki panjang	\$ 53.00 per rantai

Sumber : Pejabat RISDA, Masjid Tanah.

Benih-benih penyulaman ditanggung oleh tuan tanah. Jika kematian benih melebihi 10.0%, kosnya ditanggung oleh kontraktor.

Bagi kawasan tanah berpaya dan tanah berbukit memerlukan parit dan teres supaya wujud sistem saliran yang baik. Untuk membina parit berukuran 3' X 3' X 2', kadar bayarannya adalah \$30.00 per rantai. Manakala membina teres berukuran 5kaki lebar, kadar bayaran yang ditetapkan adalah \$5.00 per rantai. Maka kos pembangunan Rancangan Tanam Semula bagi kawasan berpaya dan berbukit adalah termasuk kos membina parit dan teres.

Kedudukan tanah berhampiran mempengaruhi kos penyelenggaraan. Jentera-jentera berat digunakan untuk mempercepatkan kerja-

kerja tanam semula. Oleh kerana tiada kemudahan jalanraya, maka jentera-jentera berat terpaksa melalui kawasan berhampiran. Sekiranya berlaku kerosakan pagar, pokok-pokok getah dan tanah kebun, tuan tanah berhampiran akan menuntut ganti rugi. Tindakan menuntut ganti rugi oleh setengah-setengah pihak boleh meningkatkan kos.

Kos Bersama atau kos samarata (Lihat Bab 5.6: Syarat Bantuan dan Kos.) juga menimbulkan masalah. Setiap peserta memiliki keluasan tanah yang berbeza. Timbul kemusykilan di kalangan pekebun kecil mengenai perbezaan baki bantuan tanam semula sedangkan kadar kos seekar adalah sama.

Keadaan ekonomi juga mempengaruhi kos Rancangan Tanam Semula. Tekanan inflasi menyebabkan kos matabenda, alat pekakas dan racun rumpai melambung tinggi. Ditambah pula dengan upah buruh yang meningkat menyebabkan bantuan tanam semula tidak mencukupi. Penjagaan yang kurang sempurna akan menyebabkan kegagalan dan pihak yang kekurangan modal tidak dapat mengatasinya.

Perundingan antara tiga pihak (RISDA - Jawatankuasa Tanam Semula - Pemborong) penting supaya mendapatkan kos yang dipersetujui. Jawatankuasa mempunyai hak memilih pemborong untuk menjalankan kerja-kerja berat seperti menolak dan membajak tanah. Adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa menentukan pemborong melakukan kerja-kerja penyelenggaraan dengan sempurna. Namun begitu pekebun kecil menyalahkan RISDA apabila kontraktor gagal menyempurnakan kerja-kerja tanam semula.

6.7 Sikap Pekebun Kecil

Sikap dan pemikiran pekebun kecil menentukan kejayaan Rancangan Tanam Semula. Peserta perlu mempunyai kerjasama, penyertaan sepenuhnya dan bertindak secara kumpulan di dalam Rancangan Tanam Semula. Namun begitu, ada di kalangan pekebun kecil menganggap RISDA bertanggungjawab sepenuhnya dan mereka menyerahkan segala urusan menanam semula kepada RISDA. RISDA sebenarnya berperanan sebagai penasihat kepada pekebun kecil dalam melaksanakan Rancangan Tanam Semula.

Kebanyakan pokok getah yang baru ditanam semula tidak dijaga dengan sempurna. Dalam setahun cuma sekali kerja-kerja penjagaan anak-anak getah dilakukan. Sewaktu pegawai RISDA memeriksa kebun barulah kerja-kerja membersihkan dan membaja dilakukan. Pemeriksaan kebun dilakukan untuk meluluskan bayaran bantuan tanam semula. Maka pekebun kecil mengemaskan kebun-kebun mereka kerana keinginan untuk mendapatkan bantuan semata-mata.

Pekebun kecil sering menyalahgunakan bayaran bantuan tanam semula. Wang bantuan yang diterima digunakan untuk perkara-perkara lain. 16.0% responden menggunakannya untuk membeli motor, 8.0% memperbaiki rumah manakala 2.0% responden menjalankan majlis perkahwinan.

Sepatutnya baki bayaran bantuan digunakan untuk membeli baja dan racun sebagai tambahan dan tidak bergantung semata-mata kepada baja dan racun yang diberi secara subsidi. Terdapat pokok-pokok getah yang tidak dibaja kerana setengah-setengah pekebun

kecil menjual baja dan racun subsidi dengan harga yang murah.

Menurut pegawai RISDA, sekiranya tiada penyalahgunaan bayaran bantuan dan baja, dalam tempoh lima atau enam tahun pokok getah yang ditanam semula sudah boleh ditoreh. Maka anak-anak getah memerlukan penjagaan yang rapi supaya dapat mengeluarkan hasil dengan segera.

Setengah-setengah peserta terutama pesara dan Absentee Land-Owner, tidak mengambil berat Rancangan Tanam Semula. Bagi mereka getah merupakan pendapatan sampingan sahaja. Mereka terdiri dari golongan berumur, golongan yang tidak mempunyai tenaga buruh dan golongan yang menerima wang pencen. Penglibatan mereka tidak sepenuhnya dan kerja-kerja tanam semula diserahkan kepada Jawatankuasa dan RISDA.

Kabupaten yang mempunyai golongan golongan ini adalah 2.5 hektar (10 acre) dan ditanam dengan pokok getah yang merupakan satu-satunya sumber pendapatan. Mereka golongan ini tidak layak menerima bantuan Tanam Semula dan mereka mempunyai modal untuk melakukan tanam semula getah secara peribadi.

Kabupaten yang progresif pula terdiri dari golongan golongan yang mempunyai modal yang tinggi dan tidak layak menerima bantuan Tanam Semula. Mereka golongan ini tidak layak menerima bantuan Tanam Semula dan mereka mempunyai modal untuk melakukan tanam semula getah secara peribadi.

BAB 7: KESIMPULAN

Melalui kajian ini beberapa kesimpulan dapat dibuat mengenai pekebun kecil. Kebun kecil secara keseluruhannya boleh dibahagikan kepada 3 bentuk, iaitu kebun kecil berkelompok, kebun kecil progresif dan kebun kecil kurang progresif.

Di dalam kajian ini didapati kebun kecil berkelompok terdiri dari kebun kecil getah yang dibawah rancangan kemajuan tanah. Misalnya Rancangan Mini Estet, mempunyai sistem pengurusan yang baik seperti estet dan hanya berbeza dari segi objektifnya. Estet komersil beroperasi ke arah meningkatkan keuntungan mana kala kebun kecil berkelompok mementingkan faedah sosio ekonomi untuk menaikkan taraf hidup petani-petani (pekebun kecil) di luarbandar.

Kebun kecil progresif pula mempunyai keluasan melebihi 2.5 hektar (10 ekar) dan ditanam dengan pokok getah yang mencukupi untuk ditoreh dengan menguntungkan. Taraf sosio-ekonomi mereka agak sederhana kerana mereka mempunyai pendapatan sampingan dari aktiviti-aktiviti ekonomi lain. Golongan ini tidak layak menyertai Rancangan Tanam Semula dan mereka mempunyai modal untuk melakukan tanam semula getah secara persendirian.

Kebun kecil kurang progresif pula terdiri dari pengusaha getah yang menggunakan kos yang tinggi dalam saiz kebun yang tidak ekonomik. Kedudukan kebun pula tidak terautr.

Punca pendapatan mereka bergantung semata-mata kepada hasil getah. Maka, mereka terus hidup dalam kemiskinan kerana hasil dan pendapatan yang sangat rendah. Kebanyakan kebun kecil ini menyertai Rancangan Tanam Semula. Pekebun kecil dalam kategori ini boleh dibahagikan kepada pekebun kecil separuh masa dan pekebun kecil separuh masa.

Dari kajian ini didapati, melalui Rancangan Tanam Semula RISDA dapat memenuhi matlamatnya untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi pekebun kecil walaupun tidak dengan sepenuhnya.

Rancangan TSB dan TSS mendedahkan pekebun kecil kepada penggunaan teknologi moden seperti benih-benih bermutu tinggi dan jentera-jentera berat untuk penyediaan kawasan. Rancangan Tanam Semula secara berkumpulan dapat mengurangkan kos pembangunan. Lazimnya kos pembangunan satu unit kawasan yang luas adalah lebih murah daripada kawasan kecil (kebun persendirian) walaupun menggunakan teknologi yang sama.

Oleh kerana Rancangan Tanam Semula dilaksanakan secara berkumpulan maka dapat merapatkan persaudaraan dan kerjasama di kalangan pekebun kecil. Pentadbiran dan hal-hal pejabat diuruskan oleh Jawatankuasa Projek dan pekebun kecil tidak perlu lagi berulang alik ke Pejabat RISDA.

Rancangan Tanam Semula dapat mengatasi masalah tertahan bantuan melalui pemberian bantuan secara serentak. Maka keadaan kebun selalunya lebih sempurna dari peserta persendirian kerana

kebun-kebun dijaga sepanjang tahun, bukannya setahun sekali untuk mendapatkan bantuan sebagaimana yang diamalkan oleh pekebun kecil TSI.

RISDA dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan melalui cara kumpulan (group approach). Projek-projek lain seperti projek galak susu (Ethrell), projek ternakan, tanaman kontan, penggunaan bahan tanaman cara baru seperti tunggul cantuman dalam polibeg dan tunggul cantuman maxi boleh diperkenalkan. Ini bermakna ilmu pengetahuan pekebun kecil ke arah penggunaan teknologi moden dapat dipertingkatkan berbanding tumpuan RISDA ke atas teknik-teknik penyelenggaraan tanam semula semata-mata.

Dari kajian ini didapati, Mini Estet memperbaiki lagi kepentingan berkumpulan. Sistem ^{Berkumpulan} dalam Rancangan Tanam Semula seperti Mini Estet memberikan pendapatan yang berpatutan kepada pekebun kecil yang tidak mampu dalam tempoh masa getah mereka ditanam semula. Di samping itu Mini Estet mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk meninggi pendapatan pekebun kecil.

Oleh kerana rancangan Mini Estet merupakan aktiviti berkumpulan, kesan perbandingan satu-satu kawasan dapat diperhatikan lebih nyata. Ini membolehkan RISDA membangunkan kawasan yang tidak produktif di dalam satu-satu rancangan.

Secara keseluruhan, Rancangan Tanam Semula oleh RISDA bertujuan untuk menyatukan pekebun kecil di bawah fahaman bersatu (Concept of unity). Penyatuan usaha dan azam di kalangan pekebun

kecil dengan lain-lain bahan input dan pertolongan kontraktor di-
satukan bagi kejayaan dan kemajuan Rancangan Tanam Semula. Di-
samping itu program Tanam Semula RISDA melatih dan melengkapkan
pekebun kecil supaya mereka bertindak mengikut sistem yang yang
teratur. Keadaan ini berbeza dengan TSI yang bertindak sendiri
untuk maju.

Dari kajian ini didapati, secara keseluruhan masalah
Rancangan Tanam Semula berpunca dari pekebun kecil itu sendiri.
Misalnya, pola pemilikan tanah pekebun kecil, keterangan yang di-
berikan oleh pekebun kecil tidak lengkap, tindakan meminta ganti-
rugi, masalah kebun tidak dibersihkan dan sebagainya menyebabkan
timbulnya masalah perlaksanaan, masalah bantuan tanam semula,
masalah memproses permohonan dan masalah kos. (lihat Lampiran VI).

Namun begitu pekebun kecil tidak berupaya mengatasi masalah
tersebut kerana kebanyakan mereka mempunyai pemikiran dan sikap
terlalu bergantung kepada RISDA. Misalnya, masalah-masalah
peribadi di kalangan responden, konflik kekeluargaan, masalah
tanah berkongsi, Surat Wakil Kuasa dan pemecahan geran juga me-
merlukan campurtangan RISDA. Maka RISDA tidak hanya terhad menye-
lesaikan masalah-masalah tanam semula tetapi terpaksa menyelesaikan
masalah peribadi peserta. Ini yang menyebabkan kelemahan
penyelenggaraan dan kegagalan Rancangan Tanam Semula.

Akhir sekali melalui kajian ini, adalah dicadangkan kepada
RISDA supaya merangka satu perancangan yang efektif untuk satu-satu
Rancangan Tanam Semula. Perancangan yang efektif penting bagi

mempastikan bahawa tiap-tiap peringkat kerja-kerja pembangunan Rancangan Tanam Semula dapat dijalankan secara licin dan teratur.

Perancangan juga perlu untuk mengawal faktor-faktor yang mampu diatasi kecuali faktor-faktro seperti cuaca, banjir, musuh serta penyakit pokok dan ekonomi tempatan. Walau bagaimana pun program hendaklah "flexible" agar dapat diubah kepada tindakan lain,sesuai dengan keadaan masa dan kehendak-kehendak tempatan. Misalnya, jika benih kontan tidak dapat diperolehi, penyelia atau Pegawai Implementor Rancangan Tanam Semula tidak seharusnya menunggu, sebaliknya kacang penutup bumi hendaklah ditanam terlebih dahulu.

Merancang merupakan satu "statement of intention" yang menjelaskan siapakah yang akan mengendalikan kerja, apa yang patut dibuat, bila patut kerja-kerja siap dan bagaimana seharusnya dibuat secara memuaskan. Walau pun penyusunan akhir tidak dapat dibuat dengan begitu tepat, tetapi secara keseluruhan tugas perancangan adalah untuk mengesan projek itu berjalan mengikut matlamatnya.

GETAH: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran

(Semenanjung Malaysia)

Tahun	84	85	86	87(a)	88(r)
Keluasan kawasan ('000)he	1967.4	1959.8	1947.4	1938.0	1900.0
Hasil (kg/hektar) Pekebun kecil	974	933	1006	1035	
Estet	1373	1419	1444	1469	
Pengeluaran ('000 tan metrik)	1530.6	1469.4	1541.9	1600.0	1605.0
Pekebun kecil	1012.5	965.1	1038.5	1083.0	
Estet	518.1	504.3	503.4	517.0	
% dr Keluaran dunia	35.9	33.9	34.9	35.8	

a= anggaran

r= ramalan

SUMBER: LAPORAN EKONOMI 87/88.

LAMPIRAN 2

MALAYSIA: Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan

Persekutuan bagi pembasmian kemiskinan

dan penyusunan semula masyarakat (1981-1985)

Program	Pembasmian Kemiskinan	Penyusunan Semula Masyarakat	Jumlah
Peruntukan RME (\$juta)	11,617.66	6,666.59	18,284.25
Peratus(%)	63.54	36.46	100.00
Anggaran RME (\$juta)	11,238.53	6,666.59	17,905.12
Peratus(%)	62.77	37.23	100.00
Pencapaian (%)	96.74	100	

SUMBER: RML

... sambungan

LAMPIRAN 2


MALAYSIA: Perbelanjaan Pembangunan Sektor Awam
(1981-1985), \$juta.

Sektor	Ekonomi	Pertanian dan Pembangunan luarbandar
Peruntukan RME Krj. Persekutuan	30,103.81	7,991.72
Peratus	61.40	16.30
Anggaran Perbelanjaan Krj. Persekutuan	28,042.13	7,540.90
Peratus	60.54	16.28
PABK	27,735.50	1,173.53
Peratus	99.97	4.23
Jumlah	5,577.63	8,714.43
Peratus	75.31	11.76

PABK= Perusahaan Awam Bukan Kewangan

SUMBER: RML

RAJAH ALIRAN MEMPROSES PERMOHONAN TANAM SEMULA.



JANGKA MASA UNTUK MENYIAPKAN KERJA

Jenis Kerja	Hari
Daftar dan Akuan Terima permohonan	01
Semakan Geran, Index, Lot dan Nama	07
Penyediaan Borang lawatan dan lawatan permulaan	21
Penyediaan borang-borang SWK/SWKM/ Borang kongsi/Idemnity dijalankan serentak dengan lawatan	40-30
Taksiran potongan Fund 'A'. Pemberitahuan kepada pemohon dan persetujuannya.	30
Penukaran Syarat tanaman dijalankan serentak dengan taksiran Fund 'A'	60-180
Taksiran laporang lawatan	02
Penyediaan Tanah oleh Pekebun kecil	90
Pemeriksaan Tanah dari tarikh pemohon memberitahu tanah siap disediakan	10
Taksiran laporan lawatan	02
Penyediaan kad rekod/ Index nama dan Lot Pindaan	04
#Penyediaan bayarab dan waran dan pemberitahuan bayaran. Tempahan benih/baja, pembahagian matabenda dijalankan serentak dengan penyediaan bayaran.	21-30

Pengambilan masa mulai dari tarikh permohonan diproses sehingga bayaran dan pembahagian benih baja ialah 5½ - 7½ bulan. (Jika tidak tersangkut dengan surat-surat kuasa/potongan Fund 'A'/Tukar Syarat) sehingga lebih daripada 7½ bulan.

Sumber: Pejabat RISDA, Masjid Tanah.